


**Jilid IV
Bil. 26**

**Isnin
13 Julai 1998**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA**

K A N D U N G A N

MENGANGKAT SUMPAH

- Y. B. Tuan Haji Hashim bin Jasin (Ruangan 1)

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

- Mengalu-alukan Ahli Baru (Ruangan 1)
- Memperkenankan Akta-akta (Ruangan 1)
- Perutusan Daripada Dewan Negara (Ruangan 2)
- Cuti Kepada Ahli – Kebenaran (Ruangan 3)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan 3)

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1).

- Operasi Lapangan Terbang Antarabangsa
Kuala Lumpur (KLIA).
- *Y.B. Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]* (Ruangan 16)

PENERANGAN OLEH Y.A.B MENTERI KEWANGAN. Rangsangan Fiskal dan Langkah-langkah Tambahan Untuk Memulihkan Pertumbuhan Ekonomi.

(Ruangan 19)

UCAPAN TAKZIAH

- Kepada Puan Hamidah binti Ahmad dan keluarga
atas kematian Y.B. Tuan Kamarudin bin Ahmad. (Ruangan 27)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

(Ruangan 29)

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Ahli Kimia (Pindaan) 1998. (Ruangan 30)

USUL:

- Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat. (Ruangan 54)

UCAPAN PENANGGUHAN

- Ratifikasi Permuafakatan Hak Asasi Manusia.
- *Y.B. Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]* (Ruangan 54)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, D.G.P.N, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas, Tun Dato' Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P.)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Dato' Chua Jui Meng, S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Senator Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M, J.P.
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.CM., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K, J.S.M.
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titivangsa)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan,
Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan
Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin
Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji
Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri,
Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud
bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P.,
P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S.
(Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan
Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S.,
J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn,
D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong
Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting D.P.M.P.
(Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K.
Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P.
(Tengah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji
Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr.
Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato'
Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N.,
P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin
Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu
Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal
Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J.
(Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh
Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji
Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T.
(Chenderoh)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)

- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhammad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)

Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)

- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)

Yang Berhormat Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)

- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)

Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)

- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)

Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)

- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan, P.S.D., J.S.D., K.M.N.
Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha	:	Nor Hayatee binti Abdullah Haji Mustafa bin Abdul Rahman Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Hajah Supiah binti Dewak Mohd Saleh bin Mohd. Yusop Mohamed bin Osman Hajah Norishah binti Mohd. Thani Shamsina binti Janor
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat:	:	Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Motalib Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh
--------------------	---	--

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT**

Isnin, 13 Julai 1998

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah:

Tuan Haji Hashim bin Jasin [Arau]

MENGALU-ALUKAN AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli Yang Berhormat yang baru dipilih itu dapat memberi sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan juga negara. Seterusnya semoga beliau dapat berkhidmat dengan penuh cemerlang.

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenalkan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan Tambahan (1997) 1998;
2. Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998;
3. Akta Pertubuhan (Pindaan) 1998;
4. Akta Fee Planetarium Negara (Pengesahan) 1998;
5. Akta Syarikat (Pindaan) 1998;
6. Akta Percetakan Teks Al-Quran (Pindaan) 1998;
7. Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 1998;
8. Akta Kumpulan Wang Persaraan Guru-guru (Sabah) (Pembubaran) 1998;
9. Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 1998;
10. Akta Kerja (Pindaan) 1998;
11. Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1998;
12. Akta Undang-undang Cukai (Pindaan) 1998;
13. Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1998; dan
14. Akta Kumpulan Wang Perusahaan Getah (Penanaman Semula) (Pindaan) 1998.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen yang lalu.

Saya menjemput Setiausaha membaca perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA
KEPADA DEWAN RAKYAT**

“4 Jun 1998

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan rang undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) 1998;
2. Rang Undang-undang Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1997;
3. Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan) 1997;
4. Rang Undang-undang Fee Planetarium Negara (Pengesahan) 1997;
5. Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan)(No.2) 1997;
6. Rang Undang-undang Percetakan Teks Al-Quran (Pindaan) 1998;
7. Rang Undang-undang Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 1998;
8. Rang Undang-undang Kumpulan Wang Persaraan Guru-guru (Sabah) (Pembubaran) 1998
9. Rang Undang-undang Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998;
10. Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 1998;
11. Rang Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997;
12. Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 1998;
13. Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1998;
14. Rang Undang-undang Cukai (Pindaan) 1998;
15. Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1998; dan
16. Rang Undang-undang Kumpulan Wang Perusahaan Getah (Penanaman Semula) (Pindaan) 1998.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA."

KEBENARAN BERCUTI

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25 April 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri Mesyuarat di bawah Perkara 52(2) Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha bagi kawasan Kuala Rajang daripada 13 Julai hingga 24 Julai 1998.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

KEGAWATAN EKONOMI - BANTUAN KEPADA SYARIKAT BUMIPUTERA

1. **Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said [Kuala Nerus]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah jangka panjang kementerian yang disusun bagi mengatasi kegawatan ekonomi negara yang berlaku hari ini sama ada kerajaan bersedia untuk mengadakan tabung-tabung baru bagi menyelamatkan pengusaha-pengusaha bumiputera yang telah muflis.

- (a) berapakah peruntukan yang telah disediakan bagi membantu syarikat-syarikat bumiputera yang rugi ketika kegawatan ekonomi, kerana dikatakan bumiputera akan menjadi miskin jika tidak dibantu; dan
- (b) nyatakan pecahan jumlah bantuan atau suntikan modal dan nama syarikat-syarikat berserta dengan nama-nama pemegang saham majoritinya yang telah menerima RM400 juta ke atas, RM200 juta ke RM400 juta, RM100 juta ke RM200 juta, RM50 juta ke RM100 juta dan seterusnya.

Timbalan Perdana Menteri [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang mengambil langkah-langkah yang perlu dalam mengatasi masalah yang dihadapi oleh pengusaha bumiputera termasuk yang hampir muflis, tetapi mengenai tabung-tabung yang upaya disediakan itu terbatas kepada keupayaan yang ada dan juga prestasi syarikat masing-masing, kalau syarikat itu didapati memang mengalami masalah sebelum krisis lagi pun maka tidaklah ada hasrat kita untuk memulihkan syarikat-syarikat tersebut termasuk yang muflis, tetapi kalau syarikat itu didapati mempunyai daya maju maka pembiayaan haruslah disediakan.

Tabung Industri Kecil dan Sederhana telah ditambah menjadikan RM1.5 bilion semuanya, kita dapati sejak Januari 1998 kelulusan oleh bank-bank dalam TIKS ini agak perlahan. Oleh yang demikian, kita telah mengarahkan supaya Bank Negara Malaysia mengawal dan memastikan kelulusan itu disegerakan. Sehingga minggu lalu RM200 juta telah pun diluluskan.

Tabung Usahawan Baru sebanyak RM500 juta (baru) telah pun diluluskan untuk keperluan bumiputera dan Tabung Usahawan Baru ini telah mendapat sambutan yang baik kerana jumlah peruntukan sebelum ini sebanyak RM1 bilion telah semuanya digunakan.

Tabung Untuk Makanan telah didapati bahawa sejumlah besar dari RM1 bilion telah digunakan dan sekarang kelulusan tambahan sebanyak RM200 juta dikhususkan kepada Pertubuhan Peladang Kawasan dan memang kita tahu kebanyakan Pertubuhan Peladang Kawasan ini terdiri dari bumiputera.

Selain dari itu, ada kemudahan credit export (ECR) yang berjumlah RM4 bilion sekarang dan ini terbuka kepada semua syarikat bumiputera dan bukan bumiputera.

Mengenai soalan berkaitan sama ada pinjaman RM50 juta hingga RM400 juta diberikan kepada syarikat-syarikat bumiputera tertentu, jawapannya tidak ada kerana jumlah tabung-tabung yang disebutkan termasuk KUB itu meletakkan di antara minimum RM50,000 hingga maksimum RM5 juta sahaja.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengalu-alukan di atas usaha pihak kerajaan atau pihak Kementerian untuk membantu pengusaha-pengusaha bumiputera yang hampir muflis. Mungkin sudah ada syarikat-syarikat atau pengusaha-pengusaha bumiputera yang telah muflis dan boleh dijelaskan di sini dan berapakah syarikat-syarikat bumiputera yang hampir muflis yang akan dibantu oleh pihak kerajaan setakat ini dan bolehkah Yang Amat Berhormat menjelaskan nama-nama syarikat bumiputera yang akan menerima bantuan? Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bawa komputer untuk membaca senarai ratusan syarikat-syarikat terlibat, namun ada syarikat yang muflis atau hampir muflis yang kita tidak bercadang membantu kalau prestasi dan pengurusan syarikat itu memang didapati tidak berdaya maju. Kita berhasrat terus membantu kerana tabung yang disediakan itu banyak, walaupun saya dapati ada teguran yang munasabah terutama dalam penyaluran dana Tabung Industri Kecil dan Sederhana yang dianggap lebih perlahan daripada yang dicadangkan.

Oleh yang demikian, sementara ada syarikat-syarikat yang hampir muflis, kita akan terus membantu syarikat-syarikat terutama yang terjejas justeru kerana penurunan nilai mata wang ataupun kerana merudumnya pasaran saham.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan sedar bahawa dalam kegawatan atau krisis ekonomi bukan sahaja pengusaha-pengusaha atau syarikat-syarikat bumiputera sahaja yang menghadapi masalah atau muflis atau hampir muflis tetapi semua rakyat Malaysia tidak kira bumiputera atau bukan bumiputera, bukankah lebih mustahak pada saat ini bahawa pendekatan kerajaan untuk membantu mereka ialah bukan atas bumiputera atau bukan bumiputera tetapi atas syarat-syarat sama ada syarikat itu atau pengusaha-pengusaha itu patut diselamatkan oleh kerana prestasi atau syarat-syarat tertentu.

Adakah Pengurusan Danaharta Nasional Berhad yang akan ditubuh untuk menyelamatkan syarikat-syarikat pun akan berasas kriteria itu, tidak akan berlandaskan bumiputera atau bukan bumiputera, tetapi satu set kriteria yang digunakan untuk semua syarikat.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya menjawab soalan yang khusus berhubung dengan tabung khusus untuk bumiputera, tabung-tabung lain itu adalah untuk semua. Pendekatan kita dalam merangsang dan memulihkan ekonomi ialah pendekatan menyeluruh bagi semua syarikat dan rakyat Malaysia tanpa mengira sama ada bumiputera atau bukan bumiputera. Tetapi dasar bumiputera supaya bumiputera yang terjejas juga dibantu mestilah dipertahankan.

Sebagai contoh, Tabung Industri Kecil dan Sederhana (TIKS), itu untuk semua, Tabung Usahawan Baru itu khusus untuk bumiputera, ECR - RM4 bilion, itu kebanyakannya digunakan oleh bukan bumiputera yang sekarang mengeksport dan Tabung Untuk Makanan, majoriti bahkan lebih daripada 70% digunakan oleh bukan bumiputera. Sebab itulah saya mengarahkan supaya lebihan RM200 juta itu yang merupakan kurang dari 30% dikhususkan untuk bukan bumiputera.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong juga harus tahu bahawa kegawatan ekonomi juga jangan dijadikan alasan untuk kita mengetepikan kepentingan dan kesejahteraan sosial kerana kalau kita tidak ambil iktibar dan pengajaran dari negara-negara jiran di mana ada keresahan di antara kaum kerana ada kaum yang rasa tersisih

dan ketinggalan maka kita tidak dapat meyakinkan semua rakyat supaya memulihkan ekonomi bersama.

Justeru itu, dasar kita dan pendekatan kita untuk membantu semua syarikat tanpa mengira kaum itu akan diteruskan tetapi kita juga akan memberi pertimbangan khusus melalui kaedah tertentu supaya beberapa syarikat bumiputera terus diberi bantuan.

PROSES PENGUBALAN DASAR EKONOMI - PROJEK PENSWASTAAN

2. **Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera]** minta Perdana Menteri menyatakan mengenai proses pengubalan dasar ekonomi. Menyedari bahawa ada kelemahan di dalam ekonomi kita sendiri dan demi untuk memulihkan keyakinan para pelabur tempatan dan asing di dalam ekonomi negara kita:-

- (a) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk memastikan bahawa pengubalan dasar dan keputusan, terutamanya di dalam aspek penswastan perkhidmatan keperluan dan utiliti adalah lebih bertanggungjawab dan telus; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk memastikan konsistensi dan stabiliti rangka kerja dasar demi untuk memajukan sektor perusahaan, perdagangan, pemiagaan dan kewangan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertimbangan ke atas projek-projek penswastan adalah dibuat secara jelas dan telus iaitu berasaskan prosedur penswastan yang ditetapkan oleh kerajaan. Mengikut prosedur penswastan, semua cadangan penswastan akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Penswastan Unit Perancang Ekonomi yang dianggotai oleh pelbagai agensi kerajaan dengan dipengerusikan oleh Unit Perancang Ekonomi. Jawatankuasa ini dibantu oleh dua jawatankuasa kecil iaitu Jawatankuasa Kewangan dan Jawatankuasa Teknikal yang masing-masingnya akan menilai aspek kewangan dan teknikal untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Penswastan. Penubuhan jawatankuasa-jawatankuasa ini bertujuan untuk membolehkan projek-projek penswastan diteliti oleh jabatan-jabatan kerajaan yang mempunyai pelbagai disiplin supaya kepentingan kerajaan dilindungi di samping untuk memastikan pertimbangan dan pemprosesan cadangan penswastan dibuat secara telus, profesional, bertanggungjawab yang juga akan dapat mencegah dari sebarang unsur-unsur salah laku. Jawatankuasa akan mengkaji secara terperinci cadangan penswastan terutamanya dari segi faedahnya kepada negara dan kesannya ke atas pengguna sebelum membuat apa-apa perakuan kepada kerajaan.

Oleh itu, kerajaan berpendapat prosedur penswastan yang diamalkan sekarang telah menjamin ketelusan dan memastikan kepentingan kerajaan dan pengguna diambil kira. Bagaimanapun, kerajaan sentiasa meneliti prosedur yang sedia ada dan sekiranya didapati

perlu, akan mengubahsuaikannya, bagi menjamin ketelusan pelaksanaan program penswastaan.

- (b) Proses penggubalan dasar ekonomi negara adalah satu proses yang berterusan. Ianya melibatkan perancangan jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang. Melalui perancangan jangka panjang, kerajaan menetapkan arah tuju pembangunan ekonomi dengan berdasarkan wawasan yang telah ditentukan.

Perancangan jangka sederhana pula, yang biasanya merangkumi tempoh lima tahun, menetapkan teras pembangunan, matlamat pertumbuhan ekonomi serta strategi dan program bagi setiap sektor ekonomi termasuk sektor pembuatan, pembinaan, perdagangan dan kewangan. Matlamat tersebut, antara lain, ditentukan berdasarkan prestasi perkembangan ekonomi sektor-sektor tersebut pada masa lepas, potensi dan prospeknya, faktor-faktor luar negeri yang mempengaruhinya, sumber kewangan dan bukan kewangan serta strategi pembangunan yang hendak dicapai. Kajian sektoral terperinci juga dilaksanakan bagi menentukan konsistensi dan faedah yang optimum diperolehi.

Kerajaan juga dari masa ke semasa sentiasa mengkaji semula dan membuat penyesuaian dasar dan pendekatan, di mana sesuai, dengan mengambil kira maklumat terbaru serta mengambil tindak balas yang segera terhadap perubahan ekonomi semasa. Pendekatan yang fleksibel dan pragmatik ini dilaksanakan bagi menentukan matlamat dan arah tuju yang telah ditetapkan akhirnya dapat dicapai.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan projek-projek penswastaan, saya hendak bertanya sama ada kerajaan negeri yang lain akan mengikut cara ini untuk mengumumkan projek-projek yang dilaksanakan di peringkat negeri dan sejak pengumuman projek-projek penswastaan baru-baru ini, saya hendak bertanya sama ada kerajaan dapat pujian dari pihak pembangkang atas tindakan yang telus ini atau sama ada pihak pembangkang mengambil kesempatan untuk membidas kerajaan atas nama-nama atau projek-projek yang disenaraikan. Terima kasih.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Pusat melalui Unit Perancang Ekonomi sentiasa menggalakkan kerajaan negeri menggunakan module atau kaedah yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Pusat dan kebiasaannya kerajaan negeri telah mengambil tindakan yang sejajar dengan arahan Kerajaan Pusat.

Berkenaan dengan soal parti pembangkang, saya tidak ada maklum balas berkenaan dengan soal parti pembangkang.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, adakah langkah kerajaan yang baik dalam suasana kemelesetan ekonomi ini kerajaan 'mengepam' masuk RM600 juta dalam MSC, sedangkan dijanjikan dahulu dalam Parlimen ini projek MSC akan ditanggung oleh pihak swasta, kerajaan hanya membina infrastruktur. Tetapi dengan memasukkan RM600 juta untuk program MSC, kita lihat selepas pengumuman itu, saham kita jatuh begitu teruk lagi.

Adakah langkah bijak memasukkan RM600 juta ini sedangkan janji dahulu ia akan dijalankan secara penswastaan, bukan tanggungan kerajaan yang utama dalam program Multimedia Super Koridor?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ditanya tiada kena-mengena dengan kaedah penswastaan. Walau bagaimanapun, dia bertanya sama ada bijak atau tidak, tentunya jawapannya bijak. *[Ketawa]*

PENINGKATAN PENGELUARAN MAKANAN - PERANAN AGENSI KERAJAAN

2. **Dr. G. Leelavathi [Kapar]** minta Menteri Pertanian menyatakan sejauh manakah agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian berjaya meningkatkan bekalan makanan di negara ini dan sejauh manakah teknologi dan pengurusan terbaru diamalkan di kalangan petani-petani di negara ini.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian melalui jabatan dan agensinya seperti Jabatan Perikanan, Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan MARDI telah berjaya menghasilkan teknologi dan penemuan-penemuan baru yang dapat meningkatkan pengeluaran makanan. Teknologi yang dihasilkan merangkumi penghasilan variety dan klon tanaman serta baka-baka ternakan yang bermutu tinggi.

Rumusan makanan baru untuk ternakan dan akuakultur, makanan segera, penemuan spesis dan kaedah baru membiak dan menternak ikan, udang, kerang, pengeluaran backfield untuk ternakan dan teknik atau sistem baru seperti sistem pembersihan kerang-kerangan, teknik kawalan serangga dan teknik pembinaan embrio.

Pada masa ini 95% daripada kawasan jelapang padi utama negara ditanam dengan variety MARDI seperti MR84 dan MR185 dengan penilaian pengeluarannya dianggarkan sebanyak RM1.4 bilion.

Di samping itu, MARDI juga telah menghasilkan pelbagai variety buah-buahan dan sayur-sayuran seperti nenas, juice pines, klon betik eksotika dan eksotika 2, klon durian MVUR 78, 79 dan 88. Pisang seperti pisang emas, cili, kacang panjang, sawi, brokoli dan lain-lain.

Pada tahun 1996 eksport betik zotika telah mencapai RM14.4 juta dan eksport buah-buahan lain seperti durian, belimbing, pisang, melon dan nenas mencatat RM225 juta. MARDI juga telah memperkenalkan sistem ternakan secara feedlot dan integrasi di bawah tanaman utama. Sehingga ini lebih 100 pengusaha lembu feedlot ini termasuk tenusu dan pedaging mendapat khidmat nasihat penternakan daripada MARDI. Agensi-agensi pengembangan seperti Jabatan Pertanian, Lembaga Pertubuhan Peladang, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan FAMA memberi khidmat nasihat dan latihan teknikal kepada petani-petani.

Menerusi perkhidmatan tersebut teknologi dan pengurusan terbaru di perkenalkan kepada petani-petani bagi melaksanakan projek-projek pertanian. Umpamanya petani-petani digalakkan untuk melaksanakan projek-projek pertanian secara komersial, berkelompok dan mini estet untuk meningkatkan pengeluaran pertanian. Di samping itu, kementerian juga menggalakkan petani-petani untuk menceburi sektor pengeluaran makanan.

Dalam hubungan ini, sebagai contoh, pada tahun 1991 Pertubuhan Peladang telah memperolehi nilai hasil sebanyak RM84.60 juta dari pengeluaran barangan makanan seperti sayur-sayuran, buah-buahan, bijirin, daging, ayam dan ikan. Pada tahun 1996 nilai hasil ini telah bertambah kepada RM115.90 juta.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Dalam usaha kerajaan untuk menggalakkan orang kampung dan juga pihak-pihak yang berkenaan turun ke padang untuk melaksanakan semangat Buku Hijau dan sebagainya, saya ingin tahu setakat hari ini, sejauh manakah Kementerian dan Jabatan Pertanian mendapat

kerjasama daripada kerajaan negeri untuk menentukan kawasan pertanian kepada orang kampung ataupun kepada syarikat-syarikat yang mampu untuk menjalankan pertanian secara besar-besaran dan negeri manakah yang ulung kali menetapkan kawasan pertanian ini untuk dilaksanakan di dalam usaha untuk mempertingkatkan hasil keluaran makanan di bawah program tabung untuk makanan ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Berhormat ingin mengetahui maka saya jelaskan sehingga ini hubungan kementerian dengan kerajaan-kerajaan negeri amat menggalakkan malah begitu membanggakan kerana pada masa ini banyak kerajaan-kerajaan negeri telah memperuntukkan tanah-tanah yang luas bagi kepentingan pengeluaran bahan-bahan makanan, misalnya negeri Johor telah pun memperuntukkan lebih daripada 20,000 hektar untuk tanaman jagung, tanaman sayur-sayuran, ternakan dan lain-lain lagi.

Begitu juga di negeri Perak, Pahang, Terengganu, Kedah, walaupun Melaka kecil, Negeri Sembilan, Perlis semuanya amat menggalakkan, tinggal lagi kita sedang menggerakkan supaya jadual penanaman dapat diatur terutama sekali kita berhati-hati supaya jangan terlalu melebihi pengeluaran, akibatnya harga akan jatuh. Sebab itu kementerian saya sedang menyusun supaya kempen tanam sayur menerusi hidroponik misalnya untuk kegunaan sendiri bukan untuk dipasarkan. Kerana sambutan begitu menggalakkan dan kita bimbang sekiranya sayur daun ini melebihi maka rakyat yang menanam akan menerima akibat. Jadi, sebab itu tanamlah untuk keperluan sendiri, kalau lebih berilah kepada jiran-jiran sekeliling dan kalau lebih lagi kita tidak bertanggungjawab.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sepertimana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri banyak usaha jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pertanian sedang dilaksanakan. Namun demikian dalam dua tahun ini jumlah bekalan import dari segi makanan terus meningkat khususnya bahan-bahan seperti jagung dan beberapa jenis sayur-sayuran tempore.

Jadi, saya ingin bertanya adakah pihak kementerian mengadakan pelan tindakan yang khusus supaya ini bukan sekadar dasar tetapi action yang benar-benar dibuat dan berdasar kepada itu bolehkah pihak kementerian membekalkan data-data terkini tentang pengeluaran jenis makanan ini supaya pihak swasta boleh mengetahui keadaan sebenar dan jika masih kurang mereka boleh melibatkan dalam soal pengembangan pengeluaran bahan-bahan makanan ini? Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Bandau. Memang benar bahawa pelan tindakan telah pun disusun oleh kementerian begitu teratur. Empat jawatankuasa bertindak telah pun ditubuhkan dalam pelbagai aspek untuk menentukan pengeluaran bahan-bahan makanan ini dapat diatur dengan lebih teratur. Jadi dengan sebab itu saya yakin dan percaya kita akan dapat menambahkan pengeluaran bahan makanan kerana sebelum kegawatan ekonomi kita import RM10.3 bilion tetapi kita juga eksport barangan kita lebih daripada RM5 bilion dan dengan adanya pelan tindakan yang teratur insya-Allah kita akan dapat mengatasi peringkat demi peringkat.

SENARAI SYARIKAT-SYARIKAT YANG MENDAPAT PROJEK KERAJAAN - PEMBENTANGAN DI PARLIMEN

4. Tuan Lim Kit Siang [Tanjong] minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan membentangkan di Parlimen satu senarai lengkap syarikat-syarikat yang telah diberikan projek-projek penswastaan, kontrak-kontrak kerajaan, pengagihan saham, permit-permit (Ahli Parlimen) serta lesen-lesen dalam minggu pertama mesyuarat Parlimen ini serta melaksanakan dasar baru supaya kesemua pemberian sedemikian akan diumumkan setiap setengah tahun.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, senarai lengkap syarikat-syarikat yang memperolehi projek-projek penswastaaan telah pun diedarkan semasa Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini dan telah disiarkan oleh media massa di mana ianya telah menjadi pengetahuan umum. Saya percaya Ahli Yang Berhormat sendiri telah pun memiliki maklumat tersebut. Memandangkan senarai tersebut masih tidak berubah, adalah tidak perlu bagi saya mengedarkannya sekali lagi di Parlimen. Mengenai saranan Ahli Yang Berhormat supaya semua pemberian berkenaan diumumkan setiap setengah tahun, kerajaan akan meneliti cadangan ini dari segi kesesuaiannya sebelum membuat apa-apa keputusan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini timbul oleh kerana masalah 'KKN' - korupsi, kronisme dan nepotisme di Malaysia. Bukankah benar sungguhpun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada mengeluarkan atau mengumumkan beberapa senarai. Yang pertama adakah senarai itu lengkap dan kedua sungguhpun Yang Berhormat Perdana Menteri ada mengatakan di Perhimpunan Agung bahawa dia akan mengumumkan senarai semua yang mendapat AP dan lesen-lesen, senarai tersebut belum diumumkan. Kenapa ada satu back track daripada komitmen itu untuk mengeluarkan senarai semua beneficiary AP dan lesen. Adakah ini akan dilaksanakan dalam Dewan yang mulia ini.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan kepada senarai ini lengkap atau tidak untuk jawapannya senarai ini adalah senarai yang lengkap. Berkaitan sama ada saham-saham yang diagihkan ataupun perkara-perkara lain yang diminta, kalau sekiranya Parlimen minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak akan keberatan untuk memaklumkan.

Sebenarnya, Yang Berhormat tidak meminta tetapi kalau Yang Berhormat meminta saya ingat tidak ada masalah. Semua yang diminta jawapan daripada kerajaan daripada mula kita mencapai kemerdekaan sampai ke hari ini kerajaan telah melayan setiap soalan sama ada daripada parti kerajaan ataupun parti pembangkang. Tidak ada di Parlimen, tidak ada masalah yang kita hendak sorok apa-apa daripada

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Boleh, boleh soal ya Tuan Yang di-Pertua. Boleh minta jawapan. Tidak boleh bercakap seperti di kedai kopi.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita jangan lupa bahawa dalam negara ini ada sebuah kerajaan negeri yang dikuasai oleh parti pembangkang. Saya ingin tahu sehingga kerajaan menyatakan ketelusan dan mendedahkan semua kontrak yang dikuasai oleh kerajaan secara telus. Saya rasa tidak ada kerajaan yang sanggup berbuat demikian tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sanggup berbuat demikian. Adakah kerajaan Kelantan menyatakan hasrat sehingga kini kepada Kerajaan Pusat bahawa mereka akan mendedahkan kepada semua siapa yang mendapat balak di negeri Kelantan, siapa yang mendapat projek SEDC di Kelantan

Beberapa Ahli: *[Tepuk Meja]*

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: sama ada kroni wujud di Kelantan atau tidak dan kalau kerajaan Kelantan tidak menyatakan hasrat demikian adakah pihak Kerajaan Pusat ingin menasihatkan kerajaan negeri Kelantan supaya bersikap telus jangan kita bersikap double standard. Kerajaan Pusat kita minta bersikap telus apabila pembangkang menguasai negeri kita buat diam - ini double standard.

Beberapa Ahli: *[Tepuk Meja]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Seorang Ahli: Betul, betul.

Tuan Yang di-Pertua: Keluar soalan dia tu dah ya [*Ketawa*].

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Jawapan yang pertama Tuan Yang di-Pertua, kita tidak menyedari sebarang rancangan daripada kerajaan negeri yang berkenaan untuk memaklumkan kepada umum dan kita tidak mengetahui sama ada kerajaan negeri Kelantan berani bertindak seperti mana Kerajaan Pusat bertindak. Kedua, sama ada hendak diperolehi maklumat-maklumat itu saya percaya kita ada saluran kita dan ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan boleh mengemukakan soalan di Dewan Undangan Negeri Kelantan.

PENGGUNAAN SISTEM PENERBANGAN ASING - DASAR KERAJAAN

5. **Puan Sukinam Domo [Batang Sadong]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:

- (a) apakah dasar kerajaan terhadap penggunaan sistem penerbangan asing oleh syarikat-syarikat pelancongan tempatan; dan
- (b) adakah syarikat-syarikat pelancongan tempatan bebas menggunakan mana-mana sistem penerbangan apabila membawa pelancong tempatan ke luar negara, iaitu tidak semestinya menggunakan sistem penerbangan tempatan seperti MAS.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Mohd. Noh bin Rajab]: Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan:

- (a) kerajaan tidak ada halangan ke atas syarikat-syarikat pelancongan tempatan menggunakan sistem penerbangan asing walau bagaimanapun mereka adalah digalakkan menggunakan syarikat penerbangan tempatan; dan
- (b) ya, syarikat-syarikat pelancongan tempatan bebas menggunakan mana-mana sistem penerbangan apabila membawa pelancong tempatan ke luar negara.

SUKOM '98 - PERSEDIAAN, SAMBUTAN DAN PERKEMBANGAN JUALAN TIKET

6. **Tuan Yeong Chee Wah [Batu Gajah]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) apakah persediaan negara telah mencukupi untuk menghadapi Sukom 98 serta nyatakan langkah-langkah persediaan lain yang perlu dilaksanakan dan bagaimana tindak balas atau sambutan rakyat Malaysia mengenainya; dan
- (b) adakah semua tiket telah dijual, baik di dalam mahupun di luar negeri. Jika tidak, bagaimanakah caranya untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat semua pihak yang terlibat dengan persediaan Kuala Lumpur '98, Sukan Komanwel ke XVI sedang rancak menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing untuk memastikan sukan ini berjalan dengan sempurna dan jaya. Ini termasuklah persediaan dari segi kemudahan-kemudahan sukan di mana pembukaan Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil yang mengandungi Stadium Utama, Stadium Tertutup, Kompleks Renang dan Stadium Skuasy telah pun dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 11 Julai tahun ini.

Untuk mencantikkan bandar dan landskap pula kerja-kerja pemasangan lampu-lampu hiasan di jalan-jalan menuju venue pertandingan sedang dilakukan. Punca-punca landskap pula sedang dilaksanakan begitu juga sistem pengangkutan yang lebih teratur sedang disediakan di mana perkhidmatan bas, perkhidmatan LRT, komuter dan teksi untuk ke venue pertandingan akan disediakan mengikut jadual yang ditetapkan. Dari segi penyediaan atlit kemajuan yang telah ditunjukkan oleh atlit negara dalam beberapa sukan tertentu amatlah memuaskan. Latihan telah dimulakan dengan agresif dan dijangka sukan-sukan seperti menembak, angkat berat, tenpin bowling dan gimnastik selain daripada badminton akan dapat memenangi pingat yang dipertandingkan. Langkah untuk mempromosikan sukan ini di dalam negeri dengan agresif akan dibuat melalui media elektronik, media cetak, pameran-pameran, pembinaan papan-papan iklan, poster-poster, pamphlet dan pemasangan 'bunting' di sepanjang jalan-jalan tertentu.

Kementerian Belia dan Sukan telah mengambil dayausaha memperluaskan promosi Kuala Lumpur '98, Sukan Komanwel XVI di negeri-negeri dengan tujuan untuk mempertingkatkan penglibatan rakyat untuk menyokong sukan ini. Dalam hal ini rakyat telah memberikan sokongan dengan sama-sama menghias bangunan-bangunan dengan hiasan sukan seperti banner, 'bunting' dan pelekat kenderaan. Adalah dijangkakan penjualan tiket dalam negeri akan juga meningkat hasil daripada promosi ini.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak semua tiket-tiket ke pertandingan Kuala Lumpur '98, Sukan Komanwel XVI ini dapat dijual dengan larisnya. Sehingga 4 Julai tahun ini jumlah jualan tiket untuk pasaran domestik ialah 42,811 tiket bernilai lebih kurang RM4 juta. Untuk pasaran antarabangsa pula jualannya ialah sebanyak 29,719 tiket bernilai lebih kurang RM3,300,000.00. Untuk mengatasi masalah kelembapan jualan tiket Sukom Ninety Eight Bhd. akan melaksanakan:

- (i) mengadakan iklan-iklan melalui TV, radio dan pendedaran risalah berhubung harga dan pelan jalan ke venue;
- (ii) menyediakan kemudahan tempahan melalui telefon terus menerus ke Tiket Ekspres Sdn. Bhd. dan Sukom Ninety Eight Bhd.;
- (iii) iklan melalui papan iklan di Lembah Klang;
- (iv) jualan terus menerus sektor korporat;
- (v) membuat promosi semasa larian baton;
- (vi) pembelian melalui pungutan wang syiling 1 sen;
- (vii) menyediakan wakil-wakil jualan yang lebih agresif di negara-negara luar;
- (viii) mendapatkan penajaan ahli-ahli korporat untuk menaja pembelian tiket-tiket untuk membolehkan seramai 500,000 penuntut-penuntut sekolah dari seluruh negara menyaksikan pertandingan sukan tersebut sepanjang pertandingan berlangsung; dan
- (ix) pelancaran penjualan tiket-tiket akan dibuat sebelum akhir bulan ini iaitu di antara kaunter-kaunter penjualan tiket yang telah dikenal pasti adalah seperti berikut:
 - (a) KLCC;
 - (b) Central Market;
 - (c) One Utama Damansara;
 - (d) Lot 10;
 - (e) Yaohan the Mall;

- (f) vendor-vendor yang telah dilantik oleh Sukom Ninety Eight Bhd.

Tuan Yeong Chee Wah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa wakil-wakil penjualan tiket-tiket hanya di Wilayah Persekutuan. Saya ingin tanya benar atau tidak oleh sebab ramai orang di Ipoh mengadu susah mendapat tiket-tiket Sukom '98. Mereka mengatakan bahawa sesiapa yang ingin membeli tiket terpaksa pergi ke Pejabat Pos, selepas itu mengisi borang, hantar borang kepada Sukom '98 Sdn. Bhd. bersama dengan money order dan selepas itu barulah mendapat tiket-tiket tersebut. Saya ingin bertanya kalau benar mengapa susah untuk memperolehi tiket-tiket tersebut dan jika tidak benar mengapa di Bandaraya Ipoh tidak ada langsung kaunter-kaunter untuk mengadakan penjualan tiket dan adakah pihak kementerian bercadang untuk memberi tiket percuma kepada murid-murid sekolah untuk menyaksikan Sukom '98? Sekian, terima kasih.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya penjualan tiket-tiket ini adalah dikendalikan oleh Sukom '98 Bhd. dan Syarikat Tiket Ekspres Sdn. Bhd. Mula-mula kita mengadakan kemudahan tempahan iaitu mereka boleh menempah untuk membeli tiket-tiket melalui Post Office dan petrol kiosk Petronas dan sebagainya tetapi sekarang ini melalui Syarikat Tiket Ekspres Sdn. Bhd., bermula akhir bulan ini orang awam akan dapat membeli tiket untuk membayar wang tunai untuk mendapatkan tiket di tempat-tempat yang saya sebutkan tadi kecuali di pekan-pekan lain Syarikat Tiket Ekspres Sdn. Bhd., sedang membuat keputusan di mana kaunter-kaunter ini akan diadakan dan ini akan diumumkan TV, radio dan surat-surat khabar tidak lama lagi.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih.....

Dato' Loke Yuen Yow: Minta maaf lagi satu bahagian Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan iaitu berkenaan dengan tiket percuma untuk murid-murid sekolah. Tidak ada tiket percuma yang akan diberikan kepada murid-murid sekolah tetapi mereka akan dapat membeli tiket dengan diskaun 50% melalui sekolah masing-masing. Terima kasih.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ucapkan tahniah kepada Tun kerana telah dianugerah Darjah Tun pada tahun ini. Alhamdulillah. [Tepuk] Yang kedua terima kasih kerana beri peluang kepada saya untuk bertanya soalan. Yang ketiga, Ahli Parlimen minta tiket free daripada Sukom [Ketawa]. Soalan tambahan daripada saya ialah, minggu lepas mengikut laporan yang diterima dari Australia mengatakan sebahagian kecil sahaja rakyat Australia tahu yang Sukom itu ataupun Commonwealth Games diadakan di Malaysia dan di Kuala Lumpur dan telah mengatakan bahawa rakyat Malaysia tidak tahu di mana dan sama ada games ini diadakan di mana-mana.

Laporan ini telah menyebutkan bahawa kelemahan daripada pihak Sukom untuk membuat promosi yang tertentu di Australia hinggalah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan mengambilalih promosi Sukom di Australia. Itulah makanya kelemahan penjualan tiket di Australia berlaku. Jadi soalan saya adakah ini benar, kalau ini benar mungkin ini juga berlaku di negeri-negeri lain yang terlibat dengan Commonwealth Games ini di seluruh Komanwel yang mana tindakan dan kelemahan itu mungkin belum diambil tindakan untuk penjualan tiket ditingkatkan lagi supaya tiket ini boleh dijual di seluruh negara Komanwel.

Jadi kalau belum bilakah tindakan dan kerjasama daripada kementerian-kementerian lain terutama sekali Kementerian Pelancongan, Kementerian Luar Negeri dan sebagainya diminta oleh pihak Sukom untuk menolong menjual tiket di seluruh dunia. Itu soalnya.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat atas pandangan-pandangan yang konstruktif ini. Jawatankuasa ini pun berharap bahawa semua pihak dapat menolong untuk mempromosikan Sukan Komanwel dan kemungkinan ada kelemahan-kelemahan dahulu dalam usaha mempromosikan Sukan Komanwel di luar negara tetapi sekarang ini sedang memperkuat kerja ini supaya kita dapat menyediakan wakil-wakil jualan yang lebih agresif di negara-negara luar dan dengan kompleks sukan kita ini telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kita yakin bahawa mass media di negara-negara lain akan dapat mempromosikan Sukan Komanwel supaya mereka dapat tahu bahawa negara kita benar-benar berkemampuan untuk menganjurkan Sukan Komanwel ini dan kita nampak bahawa tiket-tiket di negara-negara luar sekarang ini sedang dijual dengan baik.

Berkenaan dengan tiket free untuk Ahli Parlimen saya ingin memberitahu Ahli Parlimen bahawa semua akan dijemput untuk perasmian pembukaan dan penutupan. Selain daripada itu kalau hendak masuk dan tengok kenalah beli tiket. Terima kasih.

KESAN KRISIS EKONOMI TERHADAP PERBANKAN ISLAM

7. **Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah kesan krisis ekonomi yang melanda negara sekarang ini terhadap perbankan Islam. Sekiranya ia tidak terjejas, apakah kerajaan bercadang untuk membuat reformasi menyeluruh terhadap sistem perbankan negara agar mengamalkan sepenuhnya sistem perbankan Islam tersebut.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, sistem perbankan Islam juga turut terjejas dalam menghadapi kegawatan ini. Institusi kewangan sebenarnya menghadapi masalah justeru kerana kekurangan simpanan dan juga oleh kerana kenaikan pembiayaan NPL yang tidak dibayar, kejatuhan nilai cagaran sekuriti bagi pembiayaan yang telah diberi. Oleh yang demikian, kerajaan sedang memikirkan cara-cara bagi mengukuhkan lagi sistem perbankan. Sebahagiannya akan saya umumkan sebentar lagi tetapi merujuk kepada sistem perbankan Islam sistem perbankan..., saya pun telah keliru dengan 'pembangking'. Sistem perbankan Islam ini kita berikan sokongan dan kita juga telah membenarkan institusi perbankan melalui Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) berbeza dengan 'skim pembangkang tanpa faedah' di negeri-negeri yang ramai penduduknya terdiri daripada umat Islam terutama di Kelantan dan Terengganu. Sebab itulah saya ingin menyeru supaya semua pihak, semua parti menggunakan kesempatan yang ada juga untuk mencari jalan mengukuhkan lagi sistem perbankan tersebut. Bank Islam Malaysia umpamanya dalam masa yang singkat di antara bank yang paling banyak mengembangkan cawangan sehingga 80 cawangan di seluruh Malaysia dan untuk menjamin Skim Perbankan Tanpa Faedah ini menjalankan kegiatan selaras dengan peraturan syariat Islam maka Bank Negara Malaysia telah menubuhkan Majlis Penasihat Syariah Kebangsaan untuk perbankan Islam dan Takaful dan ulama, ahli akademik, pengamal undang-undang di bawah ini diminta untuk memberikan pandangan dan nasihat dan meletakkan kaedah-kaedah yang ketat yang dibolehkan oleh sistem perbankan Islam dan Takaful.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana sistem ekonomi Islam pernah diterima oleh semua pihak kerana penekanan dalam menghapuskan perkara negatif dalam aspek ekonomi seperti riba dan lain-lain lagi. Walaupun pihak yang berkenaan mewujudkan sistem perbankan Islam tanpa faedah, di sana masih terdapat sistem-sistem yang dikatakan berfaedah tetapi adalah riba. Apakah halangan maka usaha-usaha bagi menghapuskan perkara ini, adakah di sana terdapat tekanan daripada pihak yang tertentu sama ada di peringkat nasional ataupun antarabangsa.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, memang benar kenyataan bahawa Bank Islam ini memang diterima oleh semua kaum dan penganut agama di negara kita. Bahkan beberapa instrument kewangan dan facilities yang disediakan oleh Bank Islam memang diterimapakai dengan baik tetapi pendekatan kerajaan ialah supaya Bank Islam dibenarkan berkembang diberikan dukungan sementara mengekalkan sistem konvensional yang ada agar kedudukan ekonomi tidak terjejas dan adalah sukar untuk kita mempertahankan dan mengembangkan Bank Islam dengan maksud untuk membatalkan perniagaan dan pengurusan bank konvensional kerana keupayaan dan kesediaan dan juga sambutan masyarakat pelbagai kaum dan agama di negara kita.

Saya juga menjangka bahawa apa-apa keputusan yang mendadak dalam konteks ini bukan sahaja akan menjejaskan kepentingan ekonomi tempatan dan juga kerana keyakinan pelabur asing juga akan terhakis. Walau bagaimanapun kita punyai cukup ruang, kebebasan, keupayaan untuk memberikan segala dukungan dan sokongan bagi mengembangkan Bank Islam dan Skim Perbankan Tanpa Faedah. Oleh yang demikian, mari kita gunakan dan manfaatkan kemudahan ini untuk mengukuhkan sistem yang ada.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri iaitu untuk memastikan bahawa sistem perbankan baik sistem perbankan Islam ataupun yang bukan Islam boleh diselindungi daripada kesan-kesan atau impak negatif kegawatan ekonomi yang berlaku. Apakah cadangan pihak kementerian untuk mengurangkan kenaikan kadar faedah kerana sungguhpun ada beberapa kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi sehingga sekarang kita belum melihat penurunan kadar faedah yang sebenarnya dan saya rasa ini berlaku di semua bank. Adakah Yang Amat Berhormat bersetuju atau bersedia untuk menerima cadangan kalau kita tidak boleh menurunkan kadar faedah kerana kadar deposit ringgit di luar negeri adalah lebih tinggi daripada kadar faedah tempatan untuk membantu pelanggan-pelanggan atau rakyat Malaysia. Bolehkah kerajaan memberikan subsidi faedah secara langsung kepada kumpulan-kumpulan daripada yang berpendapatan rendah supaya mereka dapat mengurangkan beban kewangan yang tinggi ini.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya untuk melindungi sistem kewangan dan perbankan daripada tekanan sekarang tentulah sukar kerana di antara institusi yang paling mudah dan awal terdedah dengan tekanan ialah sistem kewangan dan institusi perbankan. Oleh yang demikian kita harus berwaspada agar keputusan kita tidak mudah menjejaskan dan menghakis. Kalau kita lihat perkembangan negara-negara jiran termasuk Indonesia, Thailand dan Korea, di antara institusi yang paling awal mendapat kegawatan ialah kegagalan pengawalan institusi kewangan. Oleh yang demikian sementara kita mengambil langkah-langkah untuk menurunkan kadar faedah dan memang kalau kita lihat kadar faedah efektif beberapa bulan atau awal tahun ini dengan sekarang tentulah jauh berkurangan sekarang tetapi kadar faedah yang berlaku sekarang masih dianggap relatif tinggi di Malaysia dibandingkan dengan kadar sebelum krisis. Walaupun jauh lebih rendah daripada kadar faedah di negara-negara jiran.

Yang Berhormat tekankan umpamanya deposit ringgit di luar negara mengenakan kadar faedah yang tinggi. Jadi pengurangan kadar faedah tempatan harus mengambilkira kesan dan implikasi yang mungkin akan berlaku. Deposit juga berkurangan. Saya telah umumkan sehingga bulan Mei tahun ini umpamanya deposit kita berkurangan hampir RM12.4 bilion dan jumlah berkurangan ini tentulah menjejaskan kekuatan bank tempatan. Walau bagaimanapun kita memang bersetuju dengan tekanan supaya kadar faedah dikurangkan. Kadar faedah boleh dikurangkan dengan mengurangkan BLR dan juga yang sedang kita berikan pertimbangan sekarang mengurangkan SRR - Reserved Statutory dan juga mengurangkan spread yang akan dikenakan oleh bank. Bank harus lebih efisien untuk memastikan bahawa spread dari 54% itu dikurangkan kalau boleh kurang dari 2%. Maksudnya dengan sendirinya kadar

faedah boleh dikurangkan. Mengenai subsidi faedah itu memang dijalankan untuk tabung perumahan kos rendah RM2 bilion. Itu sememangnya subsidi kadar faedah oleh kerajaan. TIKS itu juga merupakan subsidi. Tabung usahawan bumiputera, tabung makanan, tabung eksport kredit semua itu mengenakan kadar faedah yang lebih rendah daripada yang dikenakan oleh bank. Sekarang juga kita sedang meneliti kemungkinan untuk memperkukuh dan memperluaskan kadar faedah skim yang tersebut supaya dapat berjalan mengikut saluran bank ia mengenakan kadar faedah yang lebih rendah.

KADAR BAYARAN YANG LEBIH RENDAH DI IPTS - LANGKAH-LANGKAH WAJAR

8. **Tuan Haji Mustafa bin Muda [Hulu Terengganu]** inta Menteri Pendidikan menyatakan apakah mekanisma atau pun langkah-langkah wajar bagi menentukan kadar bayaran yang rendah di Institut Pendidikan Tinggi Swasta bagi membantu pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan dari segi kewangan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sentiasa mengawasi kadar yuran yang dikenakan oleh institusi pengajian tinggi swasta ataupun IPTS. Mengikut peraturan yang sedia ada setiap IPTS yang bercadang mengutip yuran pengajian ataupun menaikkan yuran perlulah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan bertulis daripada Ketua Pendaftar di Kementerian Pendidikan. Di antara kriteria yang dilihat sebelum sesuatu keputusan diberi termasuklah kursus pengajian, kemudahan yang disediakan dan perbandingan kadar yuran dengan IPTS lain yang mengendalikan kursus pengajian yang sama.

Kementerian Pendidikan juga mengadakan perbincangan dari semasa ke semasa dengan pihak persatuan IPTS. Contohnya, Persatuan Kebangsaan Institusi-institusi Pendidikan Tinggi Swasta dan Bebas. Pada masa ini, pelajar-pelajar yang tidak berkemampuan boleh mendapat sumber pembiayaan daripada Tabung Pendidikan Tinggi Nasional dan lain-lain agensi seperti yayasan-yayasan negeri.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, masalah pelajaran bukan mengatasi batas-batas politik. Kesan daripada pindaan Akta Pendidikan 1995 kita boleh lihat tahun ini permulaan penerimaan di institut IPTA dan IPTS bagi menaikkan yuran dan sebagainya. Apakah pihak Kementerian Pendidikan ingin mengkaji semula Akta Pendidikan supaya ia dapat berjalan dengan orang-orang bumiputera khususnya yang miskin mampu untuk masuk ke institusi pengajian tinggi. Tahun ini tahun yang agak gawat dengan bermulanya IPTS dan bagaimana yang dipawahkan ke IPTS bila tidak dapat masuk ke universiti-universiti IPTA. Saya minta pandangan.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soal sama ada kita hendak pinda atau pun tidak Akta Pendidikan yang baru, itu satu soal yang berasingan. Cuma saya hendak jelaskan pada peringkat ini saya fikir kita semua faham, pertama sekali di kalangan institusi-institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) ini, asas pokoknya kerajaan tidak beri apa-apa bantuan. Kolej-kolej itu dimiliki oleh mereka sendiri. Namun demikian, kita sentiasa mempunyai hubungan yang rapat dengan kolej-kolej tersebut dan kita faham tentang masalah yang dihadapi terutama sekali oleh pelajar-pelajar yang sekarang ini telah terlibat secara terus melalui sistem francais dan lain-lain.

Cuma melalui rundingan-rundingan yang telah kita buat, kita yakin kolej-kolej swasta pun faham akan masalah yang menyelubungi pelajar-pelajar kita sekarang, dan kita percaya dengan bantuan yang telah kita sediakan seperti pada tahun 1997 kita sediakan RM100 juta untuk membantu tidak kurang daripada 9,091 pelajar bagi sesi akademik 1997/1998. Baru-baru ini kerajaan pun telah meluluskan sebanyak RM205.3 juta untuk menampung setakat yang kerajaan mampu menampung dan kita

harap dengan kerjasama daripada kolej-kolej swasta ini nanti, perkara ini dapat kita cuba kalau pun tidak selesai 100%, tetapi dapat kita perkurangkan dari semasa ke semasa melalui rundingan-rundingan yang kita buat dengan pihak-pihak yang berkenaan di kolej swasta.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9 hingga 64 akan dijilid dalam buku berasingan]

USUL
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 18(1)

Operasi Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA)

3.35 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 18 untuk mengusul yang berikut:

Bahawa Dewan ini membenarkan Ahli Parlimen kawasan Tanjong, Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang untuk menangguhkan Dewan untuk tujuan membincangkan perkara tertentu, berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan, iaitu berkaitan dengan terganggunya operasi Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) *[Disampuk]*....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Menyampuk dalam bahasa Cina]*

Tuan Lim Kit Siang:.....pada hari pertama serta minggu pertama....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: KOKS.

Tuan Lim Kit Siang:mula beroperasinya atas sebab-sebab berikut.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Menyampuk dalam bahasa Cina]*

Tuan Lim Kit Siang: Hari pertama operasi KLIA yang dihuraikan oleh pihak kerajaan....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Menyampuk dalam bahasa Cina]*

Tuan Lim Kit Siang:sebagai lapangan terbang abad seterusnya bukan sebuah lapangan terbang yang benar-benar bertaraf antarabangsa dan mungkin satu-satunya yang paling baik di dunia telah bertukar menjadi kelam-kabut dan kucar-kacir, di mana kapal-kapal terbang dipaksa terbang mengelilingi KLIA sehingga satu jam lamanya sementara menunggu giliran mereka untuk mendarat. Para penumpang dikurung di dalam kapal terbang sehingga tiga jam lamanya, sebab aerobridge serta sistem pengagihan ruang kapal terbang mengalami kerosakan, tertangguh selama lima jam menunggu bagasi mereka, beratur selama 30 minit untuk membeli tiket teksi dan beratur lebih dari dua jam untuk mendapatkan perkhidmatan teksi,....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Menyampuk dalam bahasa Cina]*

Tuan Lim Kit Siang:sistem pemaparan maklumat penerbangan rosak, sistem pengagihan pintu rosak, para penumpang tidak dibekalkan dengan makanan atau minuman, cerita-cerita menakutkan mengenai kompleks kargo KLIA yang tertimbun dengan sayur-sayuran dan buah-buah reput serta ikan dan kura-kura mati yang menggunung.

Sungguhpun, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan mendakwa pada hari keempat KLIA beroperasi pada Jumaat 3 Julai 1998 bahawa KLIA telah beroperasi sebanyak 85% kapasitinya dan pada hari kelima KLIA telah beroperasi 100% kapasitinya...

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang:tetapi hakikatnya jelas bertentangan sebagaimana yang dibuktikan oleh cerita-cerita para penumpang yang disampaikan kepada saya bahawa...

Seorang Ahli: Surat khabar lama!

Tuan Lim Kit Siang: ...KLIA memang belum bersedia untuk mulakan operasi semasa saya sendiri menggunakan KLIA pada 5 dan 6 Julai 1998 untuk penerbangan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: [*Menyampuk dalam bahasa Cina*]

Tuan Lim Kit Siang: pergi dan balik dari Sibü.

Seorang Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Lim Kit Siang: Keadaan kelam-kabut yang

Seorang Ahli: Surat khabar lama!

Tuan Lim Kit Siang:yang sungguh teruk di KLIA pada hari pertama serta minggu pertama mula beroperasinya adalah sesuatu yang tidak dapat dimaafkan. Kerana pada Julai 1997 Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah pun mula berdegar-degar bahawa KLIA akan memiliki sistem pengendalian bagasi paling canggih dan pantas di dunia. Pada bulan Januari 1998 Yang Berhormat Menteri Pengangkutan menyuarakan perasaan puas hatinya dengan hasil ujian sistem pengendalian bagasi yang mencapai kadar berjaya setinggi...

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: [*Menyampuk dalam bahasa Cina*]

Tuan Lim Kit Siang:98.7%. Soalnya sekarang adalah mengapakah kadar kegagalan setinggi 1.3% pada tahap ujian intensif awal boleh berubah menjadi kadar kegagalan 100% pada hari pertama mula beroperasi KLIA.

Seorang Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Lim Kit Siang: Tambahan lagi Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah berkata bahawa sistem pengendalian bagasi merupakan salah satu bahagian dari sistem lapangan terbang pertama di dunia, iaitu total airport management system (TAMS). Tetapi rakyat Malaysia serta seluruh dunia nampak pada hari pertama dan minggu pertama mula operasinya KLIA ini, TAMS telah berubah menjadi total airport mass system atau total airport mismanagement system.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: [*Menyampuk dalam bahasa Cina*]
[*Ketawa*]

Tuan Lim Kit Siang: Apa yang mengkagumkan adalah pada mulanya kedua-dua Yang Berhormat Menteri Pengangkutan serta pihak pengurusan Malaysia Airport Berhad telah menuduh bahawa semua masalah adalah berbangkit dari kerosakan TAMS yang canggih itu yang sepatutnya mengintegrasikan 41 sistem yang mempunyai 1600 antara muka atau interface, antaranya yang paling canggih di dunia, termasuk sistem pemaparan maklumat penerbangan atau flight information display system (FIDS), sistem pemaparan maklumat bagasi (BIDS), sistem pengagihan ruang perhentian kapal terbang, sistem check-in penumpang, sistem pengurusan trafik udara, sistem transit laluan, sistem perdagangan elektronik serta sistem pengagihan pintu.

Bagaimanapun, apabila operator TAMS, Sapura Tourman Harris (STH Consortium) menafikan bahawa TAMS mengalami kerosakan pada hari pertama mula operasinya KLIA dan sebaliknya menyalahkan subsistem-subsistem bukan TAMS, maka ia membangkitkan persoalan mengenai sama ada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan pihak berkuasa lapangan terbang Malaysia memahami apakah sebenarnya sifat TAMS yang bernilai RM700 juta itu. Adalah sungguh memeranjatkan bahawa pihak berkuasa telah cuba menafikan kesan keadaan, kelam-kabut serta kucar-kacir pada hari pertama KLIA operasi dengan menghuraikan masalah-masalah yang

timbul sebagai masalah awal atau pun teeting problems ataupun menyalahkan laporan-laporan negatif pihak media massa tempatan. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan haruslah menjelaskan kepada rakyat Malaysia sekiranya keadaan kelam-kabut dan kucar-kacir di KLIA. *[Disampuk]* Setakat ini hanyalah merupakan....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Menyampuk dalam bahasa Cina]*

Tuan Lim Kit Siang:masalah awal sahaja. Apakah jenis masalah yang layak dihuraikan sebagai masalah besar. Sungguhpun, KLIA bernasib baik kerana ia bukannya satu-satu lapangan terbang yang ditimpa masalah, tetapi ditemani oleh Lapangan Terbang Hong Kong (HKIA) *[Disampuk]* Chek Lap Kok yang sama-sama mengalami masalah....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang:kelam-kabut serta kucar-kacir, kita tidak harus merasa puas hati....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Cip Kok!

Tuan Lim Kit Siang:dan bangga semacam Ahli-ahli Parlimen di sini. Kita tidak harus merasa puas hati dan bangga hanya kerana kita ada sifat

Tuan Yunus bin Rahmat: *[Menyampuk]*.

Tuan Lim Kit Siang:kerana KLIA sebenarnya telah kehilangan satu peluang menunjukkan kepada seluruh dunia bahawa KLIA adalah lebih efisien dan berteknologi tinggi berbanding dengan HKIA. KLIA sepatutnya membuat persiapan yang lebih terperinci sebelum mulanya operasi tanpa sebarang masalah utama, biarpun KLIA memulakan operasi komersialnya lebih lewat daripada Hong Kong IA. Maka adalah sungguh penting...

Tuan Liew Ah Kim: *[Berjalan keluar dari Dewan]*

Seorang Ahli: Seputeh, lari-lari! *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang:sungguh penting dan perlu disegerakan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Menyampuk dalam bahasa Cina]*

Tuan Lim Kit Siang: Perkara yang berkenaan, kepentingan orang ramai

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, mintalah, sila teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Maka adalah sungguh penting dan perlu disegerakan perkara yang berkenaan kepentingan orang ramai ini bahawa keadaan kelam-kabut dan kucar-kacir di KLIA pada hari pertama mula beroperasinya harus diperjelaskan, dikemukakan, sebab tahap keadaan buruk berkenaan mengenai tindakan apakah yang telah diambil untuk memastikan bahawa tidak akan berulang lagi perkara-perkara berkenaan demi memulihkan keyakinan rakyat serta dunia antarabangsa terhadap KLIA yang bukan hanya sebagai sebuah lapangan terbang antarabangsa bagi abad seterusnya, tetapi juga merupakan satu lapangan terbang yang boleh digunakan pada masa sekarang. Sekian, terima kasih. *[Tepuk]*

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat. Sila duduk, Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat dari kawasan Tanjong pada 9 Julai 1998 jam 1.30 tengah hari. Teks usul adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi. Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati

di bawah perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat.

Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu tertentu;

Syarat yang kedua ialah berkepentingan orang ramai; dan

Syarat yang ketiga ia adalah berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara tertentu. Ia adalah bagi kepentingan orang ramai, tetapi pada fikiran saya perkara ini tidak perlu disegerakan. Adalah dijangkakan mana-mana lapangan terbang pun biasanya akan mengalami masalah pada minggu pertama ia mula beroperasi. KLLA pun begitu juga pada minggu yang pertama itu.

Saya juga difahamkan punca pertama pada peringkat permulaan operasinya yang menimbul masalah di KLLA ialah kerana kakitangannya masih dalam proses membiasakan dan menyesuaikan diri untuk beroperasi di tempat baru dan juga untuk menggunakan sistem-sistem yang sophisticated dan yang baru. Sekarang keadaan operasi di KLLA beransur baik. Saya difahamkan lagi semua mereka yang terlibat akan terus berusaha untuk meningkatkan keadaan operasi di lapangan terbang itu yang pada masa ini operasinya telah meningkat hampir 100% baik. Pada fikiran saya biarlah mereka yang bertanggungjawab menjalankan tugas mereka masing-masing, kerana ini adalah mengikut keadaan peringkat operasi yang ada sekarang tidak ada apa-apa yang patut dirungsingkan.

Oleh yang demikian, perkara ini tidaklah perlu disegerakan. Oleh itu, saya menolak usul ini. [*Tepuk*]

**PENERANGAN OLEH Y.A.B. MENTERI KEWANGAN
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 14(1)(i)**

**Rangsangan Fiskal dan Langkah-langkah Tambahan Untuk
Memulihkan Pertumbuhan Ekonomi**

3.48 ptg.

Menteri Kewangan [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, sejak krisis kewangan melanda rantau Asia pada pertengahan tahun lalu, kerajaan telah bertindak memperkenalkan langkah-langkah untuk meningkatkan daya tahan negara dalam menangani sebarang risiko sistemik yang mungkin muncul. Tindakan bertujuan memulihkan keyakinan pasaran serta mempertahankan kesejahteraan rakyat juga telah dilaksanakan.

Namun krisis kewangan serantau terus berlarutan. Kesannya terhadap ekonomi negara-negara serantau lebih ketara daripada yang dijangkakan. Keadaan pasaran pertukaran asing dan saham serantau yang telah menunjukkan tanda-tanda pemulihan awal bulan Mac dan April lalu telah kembali mengalami tekanan jualan apabila tercetusnya ketidakstabilan politik di Indonesia pada bulan Mei dan kemudiannya disusuli pula oleh susutan ketara nilai Yen Jepun berbanding Dolar Amerika Syarikat. Kesan jangkitan daripada perkembangan tersebut menyebabkan tekanan jualan di pasaran kewangan serantau terus berlarutan.

Memandangkan krisis kewangan serantau telah berlarutan, semua ekonomi di Asia Timur telah pun beberapa kali mengkaji semula unjuran mengenai kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi tahun 1998. Umpamanya:

Jepun	-	1.5%
Korea	-	4%
Thailand	-	5.5%

Indonesia - sekitar 13%.

Berasaskan prestasi ekonomi Malaysia setakat ini dan memandangkan pasaran kewangan serantau belum lagi pulih, kadar pertumbuhan di antara 2% hingga 3% yang diunjurkan sebelum ini bagi tahun 1998 kini nyata sukar dicapai. KDNK benar pada suku pertama telah kuncup pada kadar tahunan sebanyak 1.8%, iaitu pertumbuhan negatif KDNK pertama dalam 13 tahun. Pengeluaran dalam sektor perkilangan merosot sebanyak 5% dalam lima bulan pertama tahun ini. Ini disebabkan oleh susutan permintaan dalam negeri dan juga permintaan luar negeri akibat pengurangan kuantiti eksport Malaysia ke negara-negara Asia Timur. Dalam lima bulan pertama tahun ini eksport Malaysia dalam nilai Dolar Amerika berkurangan sebanyak 10.3% disebabkan terutamanya eksport Malaysia ke negara-negara ASEAN dan ke Jepun berkurangan sebanyak 22.5%.

Semua perkembangan ini mendesak kerajaan bertindak segera secara langsung untuk mencergaskan semula ekonomi negara. Keupayaan sektor swasta sebagai jentera pertumbuhan ekonomi kini adalah terhad kerana menghadapi masalah mudah tunai. Kerajaan bersetuju melaksanakan langkah ransangan fiskal untuk menjana kegiatan ekonomi dan mengurangkan kesan kuncupan dan krisis kewangan. Kerajaan telah mengumumkan tambahan peruntukan perbelanjaan pembangunan bagi tahun 1998 berjumlah sekitar RM7 bilion. Bagi peruntukan tambahan tersebut dikhususkan kepada projek-projek yang memenuhi maksud tersebut:

- tidak akan menyebabkan rizab atau mudah tunai mengalir keluar dari negara;
- menggantikan import dan meningkatkan eksport barangan dan perkhidmatan;
- menjana permintaan untuk barangan dan perkhidmatan pengeluaran dalam negeri;
- meningkatkan kecekapan dan daya saing negara;
- menghasilkan pengeluaran barangan dan perkhidmatan dalam masa singkat, dengan izin, short-gestation period; dan
- menjamin jaringan keselamatan sosial.

Berasaskan kriteria tersebut peruntukan sebahagian besar sekitar RM7 bilion akan diagihkan kepada projek-projek tersebut:

Pertanian	-	RM300 juta
Perumahan	-	RM200 juta (tambahan)
Pendidikan	-	RM1 bilion
Infrastruktur dan kemudahan awam	-	RM1.5 bilion
Pembangunan industri	-	RM200 juta
Pembangunan desa	-	RM200 juta
Kesihatan	-	RM300 juta (tambahan)
Pembasmian kemiskinan	-	RM300 juta
Pembangunan Cyberjaya	-	RM654 juta
Dana Pengurusan Harta	-	RM2.25 bilion

Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU) akan memastikan segala projek dilaksana dengan segera dan tidak terhalang atau dilewatkan oleh kerenah pentadbiran.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pertambahan peruntukan ini, defisit belanjawan kerajaan bagi tahun 1998 akan meningkat dan kini dianggarkan berjumlah sekitar RM10 bilion atau 3.7% dari KNK. Namun perbelanjaan tambahan tersebut perlu sebagai langkah untuk menangani kelembapan ekonomi. Untuk menampung defisit kerajaan akan memperolehi pembiayaan dari pelbagai sumber dalam negeri dan melalui institusi kewangan antarabangsa termasuk Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia, Bank Pembangunan Islam dan pinjaman daripada negara Jepun serta pinjaman pasaran antarabangsa. Rang undang-undang serta usul yang berkaitan dengan tambahan peruntukan akan dibentangkan di Dewan ini kemudian.

Baru-baru ini saya telah mengumumkan keputusan kerajaan untuk mewujudkan satu dana khas, iaitu Dana Pembangunan Prasarana. Peruntukan awal berjumlah RM5 bilion disediakan bagi membantu pembiayaan projek prasarana dan kemudahan awam yang besar supaya pelaksanaannya tidak tergendala. Di antara projek yang telah dikenal pasti untuk pembiayaan termasuk:

- pengangkutan rel-mass transit termasuk monorel, Putra, Star dan ERL;
- pelabuhan, termasuk Pelabuhan Kuantan dan Tanjung Pelepas;
- lebuhraya, termasuk Lebuhraya KL-KLIA, Lebuhraya Cheras-Kajang, Lebuhraya Baru Pantai;
- projek bekalan air; dan
- pembetulan dan pelupusan sisa pepejal.

Pengurusan Dana akan dilaksanakan oleh Perbadanan Pembangunan Infrastruktur Negara Berhad yang ditubuhkan di luar Belanjawan untuk mengurangkan beban Belanjawan. Perbadanan akan memperolehi dana menerusi penerbitan bon di pasaran tempatan dan juga luar negara. Memandangkan pelaksanaan projek ini perlu dilaksanakan segera sebagai langkah interim, Khazanah Nasional akan menguruskan dana tersebut, sementara langkah-langkah diambil untuk menubuhkan perbadanan.

Kerajaan akan terus mengekalkan dasar kewangan sekarang untuk membendung inflasi, memastikan kestabilan ringgit serta menyediakan persekitaran untuk pemulihan ekonomi. Sementara dasar kadar faedah Bank Negara seharusnya dikekalkan, julat yang tinggi antara kadar pemberian pinjaman asas BLR dengan kadar pinjaman institusi perbankan perlu dikurangkan. Bagi mengurangkan kos perantaraan dan meningkatkan kecekapan proses perantaraan, Bank Negara Malaysia telah memperkenalkan langkah-langkah baru bagi mengurangkan lagi kos operasi bank. Beberapa langkah termasuk pengurangan Keperluan Rizab Berkanun (SRR) sebanyak 5.5 angka peratus semenjak Februari tahun ini telah membantu bank mengurangkan BLR dan seterusnya kadar pinjaman kepada pelanggan. Bank Negara akan meneliti langkah-langkah lain yang bersesuaian bagi mengurangkan kadar pinjaman efektif institusi perbankan.

Perhatian juga ditumpukan kepada pertumbuhan kredit yang bertambah perlahan daripada yang dijangkakan, iaitu penurunan daripada 30.4% pada akhir Jun 1997 kepada 12% pada akhir Mei 1998. Jumlah pinjaman baru yang diluluskan bagi lima bulan pertama tahun ini berjumlah RM20 bilion. Pertumbuhan pinjaman yang lebih perlahan bukan hanya disebabkan oleh pelaksanaan pelan kredit dan keengganan institusi perbankan untuk memberi pinjaman, malah ia juga mencerminkan kelembapan dalam aktiviti sektor benar dan tidak kepastian yang menyelubungi persekitaran ekonomi.

Walau bagaimanapun, dalam persekitaran ekonomi masa kini yang lembab perlu untuk kita pastikan bahawa aktiviti produktif terus menerima pembiayaan yang mencukupi. Sesebuah institusi yang berupaya memberi pinjaman telah dibenarkan

untuk memberi pinjaman tambahan melebihi had kredit yang ditetapkan, tetapi hanya kepada aktiviti berdaya maju dengan mengambil kira pertimbangan berhemat. Kelonggaran ini tidak akan menyebabkan pertumbuhan kredit melebihi 15% pada akhir 1998 bagi keseluruhan sistem perbankan. Bank Negara telah kerap kali mengadakan mesyuarat dengan insitisi perbankan untuk memastikan aktiviti pembiayaan berterusan dan terdapat kredit yang mencukupi bagi aktiviti yang produktif. Institusi perbankan perlu prihatin terhadap keadaan ekonomi semasa dan mereka mempunyai peranan yang kritikal dalam menyokong pemulihan ekonomi melalui peruntukan kredit yang secukupnya kepada masyarakat peniaga.

Menjamin keutuhan sistem perbankan merupakan satu agenda penting dalam menangani kegawatan ekonomi. Sistem perbankan Malaysia umumnya masih kukuh dan memiliki daya tahan untuk menangani kemelut kewangan serantau. Langkah yang telah diambil selama ini telah menguatkan keupayaan sistem perbankan mengharungi kegawatan ekonomi. Namun kita harus waspada kerana kegawatan ekonomi yang berlarutan boleh memberi dampak negatif kepada sistem perbankan. Sistem perbankan perlu mempunyai modal yang mencukupi supaya ia dapat menghadapi risiko perniagaan yang lebih besar di samping meningkatkan keupayaan menjana pembiayaan baru bagi menyokong proses pemulihan ekonomi. Seandainya krisis ekonomi berpanjangan, peningkatan dalam pinjaman tidak berbayar (NPL) akan meningkat dan seterusnya menghakis institusi perbankan.

Justeru itu, kita harus menangani isu permodalan semula sektor perbankan, dengan izin, recapitalization bagi mengukuhkan lagi ketahanan sektor ini. Oleh itu, saya ingin mengumumkan penubuhan jentera khas (special purpose vehicle) untuk menerajui permodalan semula sektor perbankan. Tujuan utama jentera khas ini adalah untuk memperkukuh sistem perbankan melalui suntikan modal yang lebih besar. Ia juga berperanan sebagai pemangkin untuk menyatu serta merasionalisasikan sektor perbankan. Di samping itu, ianya akan mempercepatkan penubuhan rangkaian bank tempatan utama yang kukuh bagi menerajui pembangunan sistem perbankan.

Jentera khas ini mempunyai dua matlamat utama:

- (i) memantap kedudukan dan kekukuhan sekumpulan utama institusi perbankan domestik bagi memperkukuhkan daya tahan mereka dalam menghadapi persaingan domestik dan antarabangsa;
- (ii) menyuntik modal ke dalam bank-bank tempatan yang lemah. Merasionalisasi sektor perbankan menerusi penggabungan institusi perbankan di mana agensi tersebut mempunyai pegangan ekuiti.

Memandangkan terdapat pertalian erat di antara pemegang saham dan keyakinan pasaran ke atas kekukuhan institusi perbankan, jentera khas SPV ini tidak akan menghalang opsyen pembelian saham daripada pemegang saham yang lemah apabila didapati pemegang saham tersebut tidak berupaya untuk memenuhi keperluan permodalan semua sektor perbankan. Ini adalah sejajar dengan dasar menginstitusikan struktur pegangan saham institusi perbankan. Namun begitu, sebarang pengambilalihan ekuiti akan dibuat berdasarkan harga pasaran.

Jentera khas ini dijangka akan memainkan peranan penting dalam penstrukturan semula institusi perbankan dengan menggunakan kepakaran tertentu bagi menyediakan piawaian amalan terbaik untuk penyusunan semula institusi perbankan. Ini selaras dengan peranannya sebagai pemegang saham strategik bagi mengukuhkan lagi daya tahan institusi perbankan.

Langkah untuk menubuhkan jentera khas ini akan dilakukan oleh Bank Negara Malaysia. Bank Negara juga akan menyediakan modal permulaan dan akan menjemput agensi pelbagai hala memainkan peranan aktif di dalam jentera khas ini. Pemegang ekuiti yang kuat dan berwibawa akan membolehkan perolehan dana

tambahan menerusi terbitan bon Ringgit. Oleh kerana agensi khas ini ditubuhkan untuk tujuan yang khusus, jangka hayatnya adalah terhad. Apabila matlamat penubuhannya telah tercapai ia akan dibubarkan.

Tuan Yang di-Pertua, nisbah.....

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Tanjong.

Tuan Lim Kit Siang: Mengenai pengumuman tadi, apabila Yang Amat Berhormat ada menyebut projection atau unjuran kadar pertumbuhan tersebut mengenai negara-negara yang lain iaitu first quarter di Malaysia di mana kita mengalami negative growth sebanyak 1.8%, tetapi kenapa Yang Amat Berhormat tidak menyebut unjuran atau fokus kerajaan sendiri yang terkini mengenai kadar pertumbuhan untuk tahun ini. Adakah negatif, oleh kerana dua minggu dahulu Kerajaan Singapura ada mengumumkan lagi satu revise estimate. Sebenarnya apa yang turun di Singapura ialah dari 5%-7%, direvise kepada 2.5% ke 4.5% dan dua minggu yang lalu diturunkan ke 0.5% kepada 1.5%. Tentu rakyat tunggu, pasaran tunggu apakah fokus Kerajaan Malaysia mengenai kadar pertumbuhan tahun ini adakah negatif atau kalau bukan negatif apa itu 'kritik. Oleh kerana kalau Yang Amat Berhormat tidak memberi angka-angka ini akan 'stand out as sort up' kenapa takut untuk memberi fokus di mana semua negara yang lain ada focus revise terkini, kecuali Malaysia, haraplah ini boleh diberikan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pembangkang ini sudah hilang kesabarannya. Ia ada di para ke-29. Saya menggunakan pendekatan, memberi rasionalisasi, kita ada apa yang disebut 'Counter Cyclical Measures' dengan izin. Kita ada danaharta, kita ada SPV untuk recapitalisation of bank dan kita juga mahu menyejajarkan pelaksanaan. Andainya semua ini berjalan betul, maka barulah kita membuat unjuran. Jadi, ini tengah-tengah sedap, dia potong - tidak kena. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, teruskan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Nisbah pinjaman tak berbayar bersih kepada jumlah pinjaman bersih bagi bulan Mei 1998 telah meningkat kepada 8.5% berbanding dengan 4.7% pada akhir tahun 1997. Berdasarkan andaian keadaan yang paling buruk, permodalan semula yang diperlukan adalah di dalam lingkungan RM16 bilion bagi tempoh 1998-1999 iaitu bagi mengekalkan nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) pada tahap tidak kurang daripada 9%. Maka SPV akan mengambil kira angka RM16 bilion untuk maksud recapitalisation yang saya sebutkan.

Sejak pertengahan kedua 1997, prestasi sektor korporat di Malaysia merosot ketara kesan daripada krisis ekonomi dan kewangan di rantau. Beberapa syarikat korporat termasuk syarikat-syarikat besar menghadapi masalah kewangan yang parah. Justeru itu, penyusunan semula hutang adalah perlu bagi memperbaiki kedudukan mudah tunai perniagaan yang masih berdaya maju tetapi dibebani hutang besar. Penyusunan semula hutang akan juga melengkapi peranan pengurusan Danaharta Nasional Berhad dan Jentera Khas SPV yang disebut. Pengalaman beberapa negara, terutamanya Thailand, Indonesia dan Mexico menunjukkan bahawa penstrukturan semula hutang korporat (corporate debt restructuring) secara menyeluruh dan teratur akan membantu mengurangkan masalah mudah tunai syarikat-syarikat yang berdaya maju di samping dapat memulihkan semula keyakinan pasaran. Oleh yang demikian, kita akan memperkenalkan satu pendekatan penstrukturan semula hutang korporat dengan objektif:

mengurangkan kerugian kreditor, pemegang saham dan lain-lain pihak yang berkepentingan melalui penyelesaian hutang dengan cara bersepadu; dan

- mengelakkan syarikat daripada menghadapi masalah mudah tunai dan seterusnya menjamin peluang pekerjaan serta kapasiti pengeluaran.

Bagi tujuan ini, saya ingin mengumumkan penubuhan sebuah jawatankuasa pemandu bersama sektor awam dan swasta untuk melancar dan mempercepatkan usaha penstrukturan semula hutang korporat. Jawatankuasa ini akan bekerjasama dengan beberapa kumpulan Jawatankuasa Kreditor di bawah satu prakarsa yang dipersetujui bagi memastikan keputusan dibuat sama ada sesebuah syarikat itu patut disokong atau diambil alih secara teratur berasaskan maklumat secukupnya.

Penstrukturan semula hutang merangkumi empat prinsip asas seperti berikut:

- (i) bank kreditor hendaklah terus menyediakan kemudahan kredit kepada syarikat, walaupun syarikat tersebut mula mengalami masalah kewangan. Ini bermakna bank kreditor tidak wajar memberhentikan saluran kredit dan melantik penerima (receiver) secara tergesa-gesa;
- (ii) keputusan mengenai masa depan sesebuah syarikat itu hendaklah dibuat berasaskan maklumat yang komprehensif dan dikongsi bersama oleh semua pihak terlibat;
- (iii) bank kreditor mestilah bekerjasama untuk mencapai kata sepakat sama ada sebuah syarikat itu perlu diberi sokongan kewangan berasaskan syarat-syarat tertentu ; dan
- (iv) kerugian harus ditanggung bersama secara adil oleh kreditor mengikut kategori tertentu.

Untuk menggalak dan mempercepatkan penstrukturan semula hutang, insentif cukai tertentu sedang dipertimbangkan bagi menggalakkan kreditor menyertai penstrukturan semula hutang korporat. Butir-butir mengenai pakej insentif akan disediakan oleh pihak-pihak berkenaan. Kerajaan juga mungkin mengkaji semula peraturan berkaitan dengan pegangan dan penyertaan asing dalam beberapa syarikat besar bertujuan memudahkan lagi proses penstrukturan semula.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga telah mengumumkan penubuhan Danaharta sebagai sebuah syarikat berkanun yang diperbadan di bawah Akta Syarikat 1965 dengan sokongan Akta Parlimen. Status ini akan memberi Danaharta keluwesan dari segi kewangan dan urusan perniagaan di samping memberikan keistimewaan undang-undang bagi memenuhi keperluannya. Saya akan membentangkan Rang Undang-undang Pengurusan Danaharta di Dewan ini pada esok hari.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bersetuju bahawa Rang Undang-undang Pengurusan Danaharta Nasional Berhad ini sangat mustahak, penting dan sangat kompleks. Jadi, patutlah diberi lebih masa untuk Ahli Parlimen sama ada Ahli Parlimen Barisan Nasional atau Ahli Parlimen pembangkang juga pihak-pihak yang ada kepentingan mengenai penubuhan Pengurusan Danaharta Nasional Berhad, khasnya mereka yang tidak mahu melihat asset management corporation menjadi government bail out corporation supaya ada masa untuk mengkaji dan berunding dengan pakar-pakar supaya ada lebih masa sebelum perbahasan bermula esok. Oleh kerana perkara ini sangat kompleks, jadi bolehkah diberi masa sekurang-kurangnya ada satu minggu supaya justice can be done kepada rang undang-undang yang begitu penting ini.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pembangkang tahu bahawa saya telah mengambil inisiatif sebaik sahaja siap draf rang undang-undang itu telah pergi kepada beliau dan juga kepada Pengerusi Backbenchers satu naskhah sekadar memberikan peluang supaya mereka melihat awal. Tetapi seperti mana yang kita tahu rang undang-undang ini adalah suatu yang dibentangkan dalam keadaan krisis ekonomi. Ia tidak merupakan satu rang undang-undang biasa. Kita

mengambil kira kepentingan menyelamatkan dan memulihkan ekonomi dan prinsip ketelusan atau transparansi itu nyata dan ketara, ia diuruskan oleh satu badan profesional termasuk profesional dalam danaharta dan juga ahli lembaga yang turut dianggotai oleh pendukung konsep danaharta iaitu J.B. Morgan dan Arthur Andersen. Oleh yang demikian, kita harus menyegerakan perdebatan ini dan saya umumkan akan bersetuju untuk memberikan tempoh yang lebih panjang, tetapi saya kira keadaan ekonomi tidak mengizinkan Parlimen menjadi tempat untuk melengahkan keputusan-keputusan yang mendesak.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri oleh kerana mengambil inisiatif untuk menyampaikan draf ini kepada saya pada pagi Sabtu. Ya, saya terima, tetapi sungguhpun begitu masanya tidak cukup. Kita semua boleh bersetuju inilah satu rang undang-undang krisis atau crisis legislation yang perlu dipercepatkan. Sungguhpun crisis legislation ia patut diberi masa yang cukup untuk semua pihak bukan sahaja Ahli-ahli Parlimen, bahkan untuk semua yang ada pandangan yang baik ke atas rang undang-undang ini supaya Pengurusan Danaharta Nasional Berhad lebih lengkap, lebih sempurna. Kita bukan bercadang bahawa kita tangguhkan perdebatan sehingga ke mesyuarat yang akan datang - bukan. Sungguhpun kita meluluskan rang undang-undang ini, esok atau lusa, Rang Undang-undang Pengurusan Danaharta Nasional Berhad ini tidak boleh dikuatkuasakan, mahu tunggu perdebatan di Dewan Negara lagi tiga minggu, mahu mendapat consent - Royal consent daripada Yang di-Pertuan Agong. Apa yang kita minta ialah sekurang-kurangnya kalau kita ada satu minggu untuk negara, untuk membincangkan dan mengkaji kita tentu boleh ada satu perbahasan atau perdebatan yang mempunyai mutu yang lebih tinggi tanpa upset timetable. Oleh kerana kita akan luluskan rang undang-undang ini sebelum Dewan Negara bersidang, tetapi ini akan memberi faedah kepada negara dan faedah kepada Ahli-ahli Parlimen dan semua pihak. Saya harap Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri boleh menimbang perkara ini.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menolak kemungkinan kita hendak timbang, cuma kita juga ada schedule yang agak ketat seperti mana yang kita tahu kita kerja tujuh hari seminggu sekarang tanpa apa-apa cuti dan sibuk dengan urusan-urusan lain. Tindakan disiplin kepada ahli parti semua kita tidak fikir sekarang ini, kita hanya tumpu untuk membangunkan ekonomi negara. Jadi, saya hendak memberi cadangan kepada Ketua Pembangkang, kita ketepikan soal-soal disiplin parti semua, kita tumpu kepada pembangunan ekonomi. Oleh itu kita tidak mempunyai banyak masa yang terluang.....

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Tentulah kita rela ketepikan semua perkara mengenai disiplin atau kronisme, nepotisme, korupsi dalam UMNO - kita ketepikan. Masalah Arau kita ketepikan, kita rela kerja bukan sahaja 24 jam satu hari, bahkan 36 jam. Tetapi kita perlukan masa untuk bincang, refer pakar-pakar.....

Seorang Ahli: Gilakah?

Tuan Lim Kit Siang: Justicelah. Kita bukan kata, kita bercadang bahawa kita tangguhkan hingga ke persidangan Dewan yang akan datang, tetapi sekurang-kurangnya lebih satu minggu. Sebenarnya besok kita pun ada Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia 1998, ada 170 muka surat, bil baru sampai, mahu bincang, mahu bahas tanpa dibaca, tanpa kaji, tanpa runding, tanpa menyentuh kepada pakar-pakar dalam IT. Kita perlukan masa. Jadi, saya harap orang mahu 'corpse' sahajalah. Mereka mahu corpse 'c-o-r-p-s-e', mereka mahu mayat atau jenazah (corpse). Kita serius, tunjuk negara kita menghadapi krisis ekonomi, jangan memperkecil-kecilkan masalah rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang: Saya harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh teach them a lesson,.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang: discipline them, teach them a lesson, don't be a disgrace to many.....

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang: Saya harap bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bolehlah setuju supaya kita ada cukup masa can do justice kepada satu rang undang-undang yang kita mengakui setuju, penting.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Terima kasih, kita akan tumpu perhatian dalam soal danaharta ini, jangan banyak sangat disiplin orang. Saya fikir elok kita tumpu perhatian dan saya setuju beri pertimbangan dan saya akan tengok schedule, walaupun saya kira agak sukar kerana saya bercadang untuk kendali sendiri rang undang-undang ini di Dewan Parlimen ini. Saya percaya draf ini walaupun dibentangkan di Parlimen hari ini dan diberikan kepada Ketua Pembangkang dan Ketua Backbenchers pada hari Sabtu. Isu-isu yang dikemukakan itu agak sudah lama dan kita memberi pengumuman tentang kemajuannya juga agak lama dan prinsip-prinsip asas dalam peruntukan itu juga tidak terlalu lari dan janggal daripada apa yang dilakukan DAMC di luar negara dan resolution trust corporation (FDIC) di Amerika Syarikat. Jadi, tidak suatu yang agak lari daripada prinsip-prinsip yang sudah diterima pakai dalam sistem kewangan di dunia ini. Walau bagaimanapun, saya akan memberi jawapan sebelum lewat akhir ini dan kemungkinan besar kita akan teruskan juga.

Tuan Yang di-Pertua, because ada kesusahan tentang schedule, itu saya kena minta maaf, kerana kalau boleh saya tidak ada halangan untuk meneruskan....

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana mahu pergi ke luar negeri.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Bukan pergi bercuti, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya ada rundingan penting dengan Bank Dunia, jadi saya tidak mahu salah faham dengan Ketua Pembangkang yang ingat saya pergi cuti. Saya akan menghadiri mesyuarat khas Bank Dunia untuk membincangkan soal pinjaman khusus untuk Malaysia dan selaku Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Bank Dunia saya harus mempengerusikan dan saya percaya dengan kepentingan Malaysia terlibat, jadi saya terpaksa hadir secara peribadi dalam mesyuarat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu mengambil segala langkah untuk mengelak aliran keluar wang. Aliran keluar wang negara, terutamanya oleh pekerja-pekerja asing telah meningkat dari RM4.1 bilion kepada RM6 bilion dalam tempoh 1994-1997. Ini telah memburukkan lagi kedudukan imbalan pembayaran negara. Sebagai satu langkah mengurangkan aliran keluar wang ini, pekerja asing yang berdaftar diwajibkan mencarum dalam KWSP. Sebagai ahli KWSP, mereka akan mendapat faedah yang serupa seperti ahli warganegara Malaysia. Pekerja asing yang pulang secara muktamad ke negara asal mereka kelak akan dibenar mengeluarkan sepenuhnya caruman mereka. Walau bagaimanapun, pembantu rumah asing tidak diwajibkan mencarum, tetapi mereka boleh memilih untuk mencarum dengan persetujuan majikan mereka. Langkah ini akan juga dapat meningkatkan sumber kewangan KWSP yang boleh disalurkan untuk membiayai pembangunan negara.

Berasaskan kepada perkembangan ekonomi semasa di dalam dan luar negeri, kerajaan telah mengkaji semula unjuran pertumbuhan KDNK bagi keseluruhan tahun ini. Berasaskan prestasi ekonomi pada suku pertama dan petunjuk ekonomi terkini, kemungkinan besar kadar kuncupan KDNK benar akan meningkat sekiranya tiada tindakan atau langkah-langkah baru untuk merangsang pertumbuhan ekonomi diambil. Walau bagaimanapun, dengan langkah-langkah baru ini, terutamanya dari dorongan fiskal kerajaan kadar kuncupan ekonomi dijangka lebih kecil, iaitu pada kadar negatif di antara 1% hingga 2%.

Kedudukan akaun semasa imbalan pembayaran tahun ini dijangka menjadi kukuh. Ini adalah memandangkan lebih perdagangan yang lebih besar, yang dicapai

dalam lima bulan pertama tahun ini, iaitu sebanyak RM16.2 bilion, berbanding dengan lebih sebanyak RM48.5 juta sahaja bagi tempoh yang sama tahun 1997. Eksport meningkat dalam lima bulan pertama tahun ini pada kadar 40.5% dari segi nilai Ringgit, iaitu lebih tinggi daripada peningkatan import sebanyak 20.8%. Bagi keseluruhan tahun 1998, akaun dagangan dijangka mencatat lebih lebih kurang RM30 bilion, iaitu lebih daripada mencukupi untuk mengimbangi defisit akaun perkhidmatan sebanyak RM25 bilion. Ini akan membolehkan akaun semasa imbalan pembayaran mencatat lebih sebanyak RM2 bilion atau 1% dari KNK, iaitu lebih pertama kali sejak 10 tahun yang lalu.

Susutan nilai Ringgit telah menyebabkan kadar inflasi meningkat, terutamanya akibat peningkatan harga import. Bagi tempoh enam bulan pertama tahun ini, Indeks Harga Pengguna telah meningkat pada kadar purata 5% berbanding dengan kadar peningkatan 2.7% bagi seluruh tahun 1997. Kadar inflasi bagi seluruh tahun ini dianggarkan di dalam lingkungan 7% hingga 8%.

Tuan Yang di-Pertua, segala langkah yang telah dan bakal dilaksanakan untuk merangsangkan semula ekonomi adalah hasil dari muafakat agensi kerajaan dan sektor swasta, khususnya melalui Majlis Tindakan Ekonomi Negara yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. Sesungguhnya pengorbanan, kesungguhan dan iltizam daripada semua pihak termasuk kementerian, jabatan dan pihak swasta dan rakyat adalah merupakan prasyarat untuk mengelakkan ekonomi negara terjerumus ke dalam kemelesetan. Gabungan usaha gigih daripada semua pihak akan dapat menjamin kejayaan usaha-usaha untuk memulihkan ekonomi negara. Terima kasih. *[Tepuk]*

UCAPAN TAKZIAH

**Kepada Puan Hamidah binti Ahmad dan Keluarga Atas Kematian
Y.B. Tuan Kamarudin bin Ahmad**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan perasaan dukacita dan sedih saya memaklumkan iaitu kita telah kehilangan seorang Ahli Yang Berhormat yang telah kembali ke rahmatullah iaitu Yang Berhormat Tuan Kamarudin bin Ahmad Ahli Parlimen Arau pada 25 Mei 1998.

Saya bagi pihak Majlis Dewan Rakyat mengucapkan takziah kepada balu Allahyarham Puan Hamidah binti Ahmad dan keluarganya. Bagi memperingati Allahyarham, saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat bangun bersama saya bertafakur selama seminit dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang beragama Islam diharap dapat menghadihkan Al-Fatihah kepada roh Allahyarham.

[Majlis bertafakur selama satu minit]

[Ahli yang beragama Islam menghadihkan Fatihah]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos.

Tuan Lim Kit Siang: Point of order, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, yang keberapa Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan 9.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, sebutkan.

Tuan Lim Kit Siang: 9(2).

“9(2). Setiausaha hendaklah menyediakan untuk tiap-tiap ahli dengan seberapa segera yang boleh, sebelum tiap-tiap

mesyuarat satu naskhah Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat itu.”

Dan kita ada satu naskhah mengenai Aturan Urusan Mesyuarat yang diedarkan kepada semua ahli dan hari ini kita ada satu lagi pembetulan dan mengikut Peraturan Mesyuarat tidak ada apa-apa provisi yang membenarkan pembetulan. Yang pertama.

Yang kedua, dengan sebab itu saya berharap boleh mendapat satu ruling bahawa Aturan Urusan Mesyuarat yang diedarkan pada asalnya atau dibukukan ini patut menjadikan Peraturan Mesyuarat dan bukan pembetulan yang diedarkan, di mana ada ditambah lagi dua rang undang-undang kerajaan untuk dikemukakan untuk Bacaan Kali Yang Pertama iaitu Rang Undang-undang Danaharta Nasional Berhad dan Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan). Oleh kerana ini adalah satu perkara yang penting supaya memberi masa yang cukup, keadilan kepada Ahli-ahli Parlimen membuat persiapan, membuat persediaan untuk perbahasan.

Sebenarnya tadi ada timbul bukan sahaja Rang Undang-undang Danaharta Nasional Berhad tidak perlu masa, Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia, Rang Undang-undang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia pun perlu masa, ia sudah mengambil masa beberapa tahun untuk menggubalnya. Kenapa tidak boleh memberi masa sekurang-kurangnya sedikit supaya kita boleh baca dan teliti, refer kepada pakar-pakar agar kita ada perdebatan yang lebih bermutu dalam Dewan yang mulia ini. Sebab itu saya berharap satu ruling dibuat bahawa tidak ada peruntukan dalam Peraturan Mesyuarat untuk membenarkan satu pembetulan dibuat kepada Aturan Urusan Mesyuarat apabila Aturan Urusan Mesyuarat sudah diedarkan kepada Ahli-ahli Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Bersabit dengan apa yang dibangkitkan tadi oleh Yang Berhormat dari Tanjong, saya rasa pertikaian sedemikian tidak sepatutnya timbul kerana buku Aturan Urusan Mesyuarat yang telah kita terima itu sebenarnya hanya merupakan satu panduan, seperti mana pada masa yang lampau lebih-lebih lagi sekiranya terdapat urusan kerajaan yang perlu didahulukan, saya rasa Yang Berhormat dari Tanjong sebagai seorang veteran, orang lama patutlah faham bahawa pihak kerajaan berhak mendahulukan mana-mana satu rang undang-undang yang difikirkan wajar dan perlu.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, betul saya tahu bahawa hak dalam tangan pihak kerajaan untuk mendahulukan apa-apa business atau apa-apa rang undang-undang. Tetapi kalau begitu perlu mengikut peraturan, apabila Aturan Uturan Mesyuarat sudah diedarkan dan didedahkan di mana di sini baru first reading untuk dua rang undang-undang sahaja, kedua-duanya akan dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos iaitu Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia dan Rang Undang-undang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Kalau kerajaan mahu ubah Peraturan Mesyuarat oleh kerana ada sebab-sebab yang tertentu yang perlu Rang Undang-undang Danaharta Nasional Berhad disegerakan, perlu satu usul untuk mengubah order of business dan bukan melalui satu pembetulan yang dibuat oleh Setiausaha. Saya tidak menyalahkan Setiausaha, saya percaya beliau membuat ini dengan *bona fide*, tidak ada niat jahat, tetapi saya rasa ini peraturan. Kalau mahu ubah Peraturan Mesyuarat perlulah satu usul yang ada dalam Peraturan Mesyuarat. Tuan Yang di-Pertua tentu tahulah makna perkara itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Sebenarnya Yang Berhormat itu pun bukan satu pindaan. Seperti mana yang saya putuskan tadi, buku Aturan Urusan Mesyuarat itu hanya sebagai satu panduan seperti mana masa yang lampau.

Tuan Lim Kit Siang: Pembetulan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Pembedulan, ini di mana pihak Parlimen sendiri ada mengakui inilah pembedulan. Kalau ini bukan pembedulan, itu lain hal. Kalau mahu pembedulan patutlah melalui cara usul - ini pembedulan dan bukan panduan, ini pembedulan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya faham itu. Yang saya boleh nampak mungkin perkataan pembedulan itu tidak wajar dipakai. Yang Berhormat sebagai orang lama pun faham juga.

Tuan Lim Kit Siang: Sebab itu saya kata ini tidak wajar, ini salah peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sebenarnya kalau hendak pertikaikan mungkin perkataan pembedulan itu tidak sepatutnya digunakan. Sekiranya Yang Berhormat mempertikaikan masa tidak cukup, itu lain hal, lain perkara.

Tuan Lim Kit Siang: Ini oleh kerana masa tidak cukup untuk perbahasan, sebab itu kita balik kepada peraturan mesyuarat yang asal. The basic reason is a same, not enough time for study - kaji dan buat persiapan - that is a basic reason.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ong Tee Keat]: Sekarang ini kita sampai ke tahap Kementerian yang berkenaan itu hendak mengemukakan rang undang-undang buat bacaan kali yang pertama.

Tuan Lim Kit Siang: I am asking for a ruling, ini pembedulan melanggar peraturan mesyuarat, kita patut bertindak atas aturan mesyuarat yang asal.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ong Tee Keat]: Tidak Yang Berhormat, saya rasa ini pun bukan kali yang pertama kita buat dan lagi pun saya sudah buat ruling keputusan tadi itu, ini sebagai satu panduan. Ya, Setiausaha.

Setiausaha: Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan tentang dan mengawal selia industri komunikasi dan multimedia yang menjurus ke arah percantuman dan perkara-perkara yang bersampingan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Tenaga, Telekom dan Pos; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA 1998

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia yang mempunyai kuasa untuk menyelia dan mengawal aktiviti-aktiviti komunikasi dan multimedia di Malaysia, dan menguatkuasakan Undang-undang Komunikasi dan Multimedia Malaysia, dan bagi perkara yang berkaitan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Tenaga, Telekom dan Pos; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PENGURUSAN DANAHARTA NASIONAL BERHAD 1998

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk memberi kuasa kepada Pengurusan Danaharta Nasional Berhad untuk mengambil alih pinjaman-pinjaman tidak berbayar daripada institusi-institusi kewangan dan menggunakan prosedur pintas bagi memindah serta mendapatkan hakmilik ke atas aset atau sekuriti yang disandarkan ke atas pinjaman dengan ketentuan pemilikan, seterusnya menguruskan pinjaman dan aset serta melaksanakan rancangan menyusun semula aset-aset; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (PINDAAN) 1998

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG AHLI KIMIA (PINDAAN) 1998

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.34 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Datuk Law Hieng Ding]:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu akta untuk meminda Akta Ahli Kimia 1975 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Institut Kimia Malaysia (IKM) telah ditubuhkan bertujuan antara lain untuk mengadakan peraturan mengenai pengamalan oleh anggota-anggota profesional profesion kimia di Malaysia dan juga memajukan kepentingan-kepentingan profesion kimia di Malaysia.

Akta Kimia 1975 atau Akta 158 yang mentadbir IKM telah diwartakan pada 22 Mei 1975 dan adalah di bawah tanggungjawab Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, keanggotaan institut ini terdiri daripada tiga gred, iaitu fellowship, associateship dan licentiatehip dan terbuka kepada seseorang yang memenuhi syarat Majlis Institut ini iaitu perlu mempunyai kelayakan akademik dan pengalaman praktikal dalam bidang kimia. Kini keanggotaan institut ini adalah seramai 1,778 orang termasuk 23 orang warganegara asing.

Tuan Yang di-Pertua, semasa mengkaji keistimewaan dan larangan bagi warganegara asing yang memegang taraf penduduk tetap Malaysia, kerajaan telah memutuskan bahawa semua akta yang mentadbir badan-badan profesional menetapkan jawatan-jawatan dalam badan tersebut hendaklah dipegang oleh warganegara Malaysia sahaja. Sehubungan dengan itu, pindaan bagi menghadkan bukan warganegara daripada memegang jawatan mana-mana badan profesional perlu dibuat kepada Akta Kimia 1975 atau Akta 158.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, seksyen-seksyen dalam Akta Ahli Kimia 1975 yang berkaitan ialah seksyen 9(1), 11E dan 11G. Seksyen 9(1) adalah berkaitan penubuhan Majlis di mana ahli-ahlinya terdiri daripada Ketua Pengarah Kimia dan 13 Ahli-ahli Institut Kimia. Penubuhan Institut Kimia ini juga telah diperuntukkan dalam Akta Kimia mengikut seksyen 3 akta tersebut.

Seksyen 11E pula menyebut tentang penubuhan cawangan-cawangan institut ini dan seksyen 11G adalah berkaitan perantikan jawatankuasa-jawatankuasa Institut Kimia untuk tujuan-tujuan tertentu. Pindaan yang dicadangkan melibatkan penambahan satu seksyen baru iaitu seksyen 11A bagi mematuhi arahan kerajaan supaya tiada seorang pun boleh menjadi anggota Majlis atau mana-mana jawatankuasa bagi institut atau sesuatu jawatankuasa bagi mana-mana cawangan institut melainkan jika dia seorang warganegara.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan juga perlu dibuat kepada perkataan "Institiut" dalam teks Bahasa Kebangsaan Akta 158 tersebut di mana ejaan tersebut tidak wujud dalam Bahasa Malaysia. Ejaan perkataan "Institiut" perlu dipinda kepada "Institut" iaitu ejaan yang betul bagi perkataan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Pertanian [Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud]:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum rang undang-undang ini terbuka untuk dibahas, ingin saya bagi pihak Majlis Dewan Rakyat ini mengalu-alukan lawatan satu delegasi dari Parlimen Australia yang diketuai oleh Timbalan Speakernya. *[Tepuk]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Ahli Kimia 1975 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tanjong.

4.40 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua, kita sekarang bincang berbahas mengenai satu rang undang-undang pindaan kepada Akta Ahli Kimia dan nampaknya kita akan bincang dan membahar rang undang-undang ini sebagai satu rang undang-undang yang sangat penting, akan ambil masa sekurang-kurangnya dua jam, sangat penting. Inilah satu perbahasan yang luar biasa, akan menjadikan Parlimen satu mockery dalam dunia....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti dahulu. Apa masalah Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, mengenai perbahasan ini akan menjadi Malaysian Parliament the mockery of the world. Kita ada satu delegasi Parlimen daripada Australia, malulah kalau begitu. Saya harap ini tidak akan berlaku....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ong Tee Keat]: Nanti dahulu, Yang Berhormat, sabar. Yang Berhormat, sekarang ini perbahasan baru bermula....

Tuan Lim Kit Siang: Ya, baru bermula, saya anticipate.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ong Tee Keat]: Dan lagi pun Yang Berhormat bukan pak nujum, takkan Yang Berhormat dapat meramalkan berapa lama sesi ini akan mengambil masa.

Tuan Lim Kit Siang: Kita tengok apa rang undang-undang ini – a three paragraph bill. A three paragraph amendment bill which there is no quarrel over it and what does it says – untuk benefit pelawat-pelawat kita daripada Australia – this is the bill, three paragraph bill:

BE IT ENACTED by the Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong with the advice and consent of the Dewan Negara
and Dewan Rakyat in Parliament.....

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Lim Kit Siang: Apa itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ong Tee Keat]: Nanti dahulu, Yang Berhormat, ada yang bangun.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Peraturan Dewan, Tuan Yang di-Pertua. Kalau hendak bercakap dalam bahasa Inggeris, kena minta kebenaran Tuan Yang di-Pertua dahulu.

Tuan Lim Kit Siang: Ini dua Kerusi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ong Tee Keat]: Baik, Yang Berhormat, saya akan.....

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Dia tidak boleh terus bercakap bahasa Inggeris. Mentang-mentang ada ahli-ahli Parlimen Australia, dia hendak tunjuk 'act'kah dia bercakap bahasa Inggeris.....

Tuan Lim Kit Siang: Oh!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, ya.....

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Sudah minta kebenaran Tuan Yang di-Pertua hendak bercakap bahasa Inggeris?

Tuan Lim Kit Siang: Oh, marah?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.....

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Mesti marah.

Tuan Lim Kit Siang: Pergi ke KLLA, mengapa gunakan bahasa Inggeris?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, cukup.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, itu kerja saya. Saya akan pastikan penggunaan bahasa yang betul. Ya, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh saya baca versi bahasa Inggeris?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya tidak hadkan masa. Yang Berhormat boleh berucap.

Tuan Lim Kit Siang: Okay.

"A BILL

intituled

An Act to amend the Chemists Act 1975.

[]

BE IT ENACTED by the Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong with the advice and consent of the Dewan Negara and Dewan Rakyat in Parliament assembled, any by the authority of the same, as follows:

1. *This Act may be cited as the Chemists (Amendment) Act 1998 and shall come into operation on a date to be appointed by the Minister by notification in the Gazette. Kita setuju, tidak ada quarrel, tidak ada perlu bahas, setuju.*

2. *The Chemists Act 1975, which is referred to in this Act as the "principal Act", is amended in the national language text by substituting for the word "Institiut" wherever it appears the word "Institut". Satu masalah ejaan (spelling), setuju, sokong, tidak perlu bahas.*

3. *The principal Act is amended by inserting after section 11 the following section:*

“Members of Council, Committees, etc., must be citizens.

11.A. No person shall be a member of the Council, or any Committee, of the Institute or a committee of any branch of the Institute unless he is a citizen of Malaysia.”

Sokong, support, pass, tak perlu lagi perbahasan, tetapi this is end of the bill, inilah bill.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang: Saya belum habis.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ong Tee Keat]: Nanti dahulu, Yang Berhormat, sabar. Yang Berhormat, biasanya kalau Yang Berhormat rasa kesempitan masa, Yang Berhormat marah. Jadi kali ini nampaknya masa itu cukup untuk setiap orang berbahas, Yang Berhormat pula yang mempertikaikan-nya. Apa logiknya?

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana ada undang di sebalik batu, because that is arterial motive in what is going to take place now in this House for the next one and the three quarter hours. Satu three paragraph bill yang tidak kontroversi yang perlu diluluskan dalam 10 minit, kita akan bahas mungkin sampai esok oleh kerana kalau rang undang-undang ini diluluskan, perkara yang kedua kemudian ialah satu usul atas nama saya:

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya satu Suruhanjaya Penyiasatan mengenai kronisme dan nepotisme, yang khasnya menumpukan perhatian ke atas anak-anak dan sekutu-sekutu kesemua pemimpin politik, sama ada kerajaan mahupun pembangkang, harus ditubuhkan.”

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Dewan, apa ada kena-mengena yang itu, belum tiba.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya akan buat keputusan.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, kalau wakil dari Tanjong hendak bahas, bahas.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya kata bahawa kita jangan menjadikan Parlimen sebagai laughing-stock of the world.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ong Tee Keat]: Yang Berhormat dari Tanjong, nanti dahulu. Saya akan buat keputusan. Yang Berhormat, saya faham walaupun Yang Berhormat cepat hendak bangkitkan apa yang dibacakan tadi usul Yang Berhormat, tetapi saya rasa kita semua kenalah ikut Aturan dan Peraturan Mesyuarat sebab walaupun Yang Berhormat tidak semestinya ada hujah-hujah yang hendak disuarakan, orang lain pula mungkin ada hujah-hujah.

Tuan Lim Kit Siang: Kita hormat tetapi saya pun ada hak untuk menyampaikan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ong Tee Keat]: Rintihan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Anticipation saya mengenai arterial motive dalam prosiding hari ini oleh kerana kenapa kita mahu ambil dua jam untuk satu three paragraph very-very.....

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ong Tee Keat]: Nampaknya ada yang bangun. Nanti sekejap, Yang Berhormat.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Dewan.

Tuan Lim Kit Siang: Apa itu? Point of order atau.....

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Point of order.

Tuan Lim Kit Siang: Okay, okay.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ong Tee Keat]: Ya, Kuala Pilah.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kepada Peraturan Mesyuarat 36(1) dan 36(6). Perkara 36(1) kita sedang membahaskan berkenaan rang undang-undang ini, apa kena-mengena dengan yang dia cuba bangkitkan yang bukan-bukan? Itu sangkaan jahat di bawah 36(6). Saya minta Yang Berhormat cuba bincangkan perkara-perkara yang dibincangkan dalam Dewan ini, jangan meleret-leret sangkaan jahat, sangkaan yang bukan-bukan, pre-empt the whole thing, that is not the way, dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ong Tee Keat]: Saya rasa apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Pilah itu di bawah 36(1) mungkin ada kena-mengena sebab Yang Berhormat dari Tanjong walaupun khuatir, ada kesangsian, tetapi elok Yang Berhormat balik kepada tajuk. Tetapi 36(6) itu sangkaan jahat, saya rasa itu tidak timbul, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, terima kasih. Saya akan balik kepada bil ini bahawa kita jangan buang masa Dewan yang mulia ini atas satu perkara yang tentu boleh diluluskan dalam 10 minit oleh kerana masalah korupsi, kronisme dan nepotisme lebih penting, kita perlu menumpukan perhatian.....

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Dewan 36(1).

Tuan Lim Kit Siang: Takutkah? Takut nepotisme, are you crony?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, dia berhak.....

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini membincangkan rang undang-undang ini, elok Yang Berhormat jangan buang masa, terus bincangkan apa yang hendak bincang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ong Tee Keat]: Ya, baik.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Mengapa beliau bazirkan masa?

Tuan Lim Kit Siang: Perdana Menteri kata semua orang crony beliau. Wah, you crony.....

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ong Tee Keat]: Baik, Yang Berhormat.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Bincanglah apa yang hendak bincang.

Tuan Lim Kit Siang: Mahu jadi UMNO Youth Leader baru?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sabar.

Tuan Lim Kit Siang: Dia cakap dia langgar Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ong Tee Keat]: Sabar, cukup.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya sudah cakap tadi, saya kekalkan keputusan saya mengenai 36(1) itu saya timbang dan saya rasa Yang Berhormat kena balik kepada tajuk.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya balik kepada tajuk iaitu Chemists (Amendment) Bill.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ong Tee Keat]: Tetapi Yang Berhormat sendiri yang mensia-siakan masa.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak mensia-siakan masa, tetapi memberi anticipation dan amaran bahawa Dewan yang mulia ini jangan menjadi satu laughing-stock in the world in the witness by Australian Members of Parliament. Kita tunggulah. Sekian, terima kasih.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tak ada modal, tak ada modal.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ong Tee Keat]: Nampaknya tak ada lagi yang hendak dihujahkan. Sudah habis, Yang Berhormat. Machang.

4.50 ptg.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed [Machang]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan satu akta untuk meminda Akta Ahli Kimia 1975.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pada prinsip asasnya rang undang-undang ini adalah ringkas tetapi saya percaya bahawa pindaan ini mempunyai maksud-maksud tertentu yang membawa implikasi yang besar kepada peruntukan-peruntukan khususnya peruntukan ahli kimia yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, soal sama ada rang undang-undang penting atau tidak penting, itu bergantung kepada pembentang, iaitu pihak kerajaan. Kalau pihak pembangkang menghujahkan bahawa ianya adalah merupakan satu pembuangan masa, itu adalah hak beliau tetapi ini tidak bermakna bahawa ahli-ahli lain tidak boleh berucap atas perkara yang sama. Kita mempunyai pandangan yang berbeza, sudah tentu pihak pembangkang kerja dia bangkang, tak ada lain, mesti dia bangkang, tetapi barangkali orang lain mempunyai pandangan yang berbeza daripada beliau dan pandangan ini mesti dihormati. Tidaklah boleh apabila sesuatu pada pandangan kita bahawa ianya adalah tidak begitu penting, maka orang lain juga menganggap tidak penting. Pada saya pindaan ini adalah pindaan yang penting dan kita mesti menyuarakan pandangannya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini perkara yang pertama berhubung dengan ejaan. Ini saya tidak mahu membangkitkan banyak perkara kerana ini adalah satu perkara kesilapan ataupun pembedaan ejaan. Yang kedua, ialah berhubung dengan peruntukan 3 iaitu akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 11 seksyen berikut:

“11A. Tiada seorang pun boleh menjadi anggota Majlis, atau mana-mana Jawatankuasa, bagi Institut atau sesuatu jawatankuasa bagi mana-mana cawangan Institut melainkan jika dia seorang warganegara.”

Tujuan akta ini adalah jelas untuk menjadikan anggota Majlis atau mana-mana ahli jawatankuasa bagi sesebuah institut iaitu mereka ini hanya dihadkan kepada mereka yang berwarganegara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini peranan ahli-ahli kimia dalam perkembangan kedudukan negara kita sekarang amat penting. Saya hendak bangkitkan beberapa perkara daripada pengalaman saya sendiri khususnya dalam kes-kes yang melibatkan keterangan pakar di mahkamah yang melibatkan ahli kimia. Pertamanya dalam kes-kes pengendalian di bawah seksyen 39B yang memerlukan keterangan pakar, tawaran daripada ahli kimia untuk menentukan bahawa sesuatu bahan yang ditemui itu adalah dadah dan jenis apa.

Pada kebiasaannya apa yang berlaku, Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini saya nampak jabatan-jabatan kimia di seluruh negara adalah terhad kepada beberapa kawasan tertentu sahaja, misalannya ibu pejabat di Kuala Lumpur. Bagi kawasan Pantai Timur, pejabat kimia hanya berpusat di Terengganu. Maka semua kes yang melibatkan memerlukan keterangan pakar dan keterangan seorang ahli kimia perlu dihantar ke Terengganu sama ada kes itu berlaku di Kelantan, sama ada kes itu berlaku di Pahang. Di Pahang ada pilihan ke Kuala Lumpur. Di Terengganu hanya ada satu di kawasan Pantai Timur. Jadi, akan berlaku kelewatan. Apa yang berlaku, Tuan Yang di-Pertua, ialah kelambatan untuk menyediakan laporan-laporan kimia yang hasilnya akan melambatkan kes-kes yang dibicarakan di mahkamah.

Saya mempunyai pengalaman sendiri, Tuan Yang di-Pertua, di mana satu kes yang ringkas memerlukan masa enam bulan untuk menyiapkan laporan kimia dan dalam kes-kes tertentu biasanya yang melibatkan kes-kes besar tertuduh tidak dijamin. Bila tertuduh tidak dijamin, perbicaraan tidak boleh diteruskan, ini menyebabkan ketidakadilan.

Jadi saya cadangkan, Tuan Yang di-Pertua, supaya jabatan-jabatan kimia ini ditubuhkan bukan sahaja satu untuk satu kawasan, misalannya di kawasan Pantai Timur hanya satu supaya pihak kementerian mempertimbangkan untuk menubuhkan jabatan-jabatan kimia di tiap-tiap negeri kerana peranan jabatan kimia sekarang amat penting bukan sahaja soal dalam menentukan kes-kes seperti kes dadah yang saya maksudkan tadi tetapi kes-kes bunuh dan kes-kes lain menyebabkan beban kerja bertambah.

Kalau satu jabatan kimia untuk mewakili tiga buah negeri inilah yang menyebabkan berlakunya kelewatan untuk menyediakan laporan kimia dan sehingga laporan kimia itu belum dipastikan, kes tidak boleh berjalan di mahkamah. Kelewatan-kelewatan yang berlaku sebahagian besar daripada kes-kes kelewatan di mahkamah ialah berpunca daripada kelewatan laporan kimia yang disertakan ini. Bukan itu sahaja, saya perhatikan bahawa ahli-ahli kimia bagi satu-satu kawasan, misalannya di Terengganu ada hanya dua orang ahli kimia beberapa tahun. Dua tahun lepas ada seorang sahaja ahli kimia yang bertanggungjawab untuk menyiapkan laporan kimia bagi negeri Terengganu, Kelantan dan sebahagian daripada Pahang, walaupun sebahagian Pahang dihantar ke Kuala Lumpur tetapi sebahagian kawasan yang hampir dengan kawasan Terengganu dihantar ke Terengganu. Bila seorang bekerja, beban kes bertambah menyebabkan kelewatan menyiapkan laporan tadi. Apabila ahli kimia ini pergi ke mahkamah pula memberi keterangan, kadang-kadang melibatkan masa tiga, empat hari, maka tugas beliau terpaksa tergendala di jabatan kimia berkenaan.

Maka saya hendak mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua. Pertama, supaya jabatan kimia ditubuhkan di tiap-tiap negeri. Bagi kawasan Pantai Timur misalnya satu di Kelantan, kerana kes-kes yang melibatkan keterangan seorang pakar terutama di negeri Kelantan ini amat penting kerana kes-kes yang bertimbun dari masa ke masa terutamanya kes-kes berhubung kait dengan penyalahgunaan dadah yang memerlukan keterangan pakar dan orang lain tidak layak untuk memberitahu bahawa barang itu dadah atau tidak melainkan ianya mesti seorang ahli kimia yang bertauliah.

Jadi saya cadangkan supaya jabatan-jabatan kimia diwujudkan di tiap-tiap negeri, sekurang-kurangnya dengan penempatan seorang ahli kimia bagi sebuah negeri. Bagi kawasan-kawasan di tiga buah negeri, kemungkinan boleh ditubuhkan satu regional office, iaitu pusat ahli kimia yang mengendalikan kes-kes yang lebih besar. Kes-kes yang lebih kecil boleh dikendalikan oleh pejabat-pejabat kimia yang akan

dibuka di tiap-tiap negeri. Dengan cara ini, saya berpendapat sebahagian besar daripada kelewatan-kelewatan yang menyebabkan berlakunya kelewatan perbicaraan kes-kes di mahkamah ini dapat dielakkan.

Saya pernah mengalami, Tuan Yang di-Pertua, misalannya ada dalam satu kes sampai satu tahun laporan kimia masih lagi belum disediakan.....

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun.

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan. Saya rasa di Kelantan tidak perlu tubuh pejabat kimia ini sebab saya tengok dalam surat khabar kata semenjak PAS memerintah ini maka tidak ada kes-kes yang terlibat ini banyak, makin kurang, makin kurang. Jadi apakah ini akan membazir sahaja kalau kita tubuhkan?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Minta maaf Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya berbeza pendapat sedikit. Mengikut perangkaan, negeri Kelantan ialah negeri nombor dua penyalahgunaan dadah dalam Malaysia ini. Itulah yang saya katakan perlu kerana kes-kes Kelantan sekarang ini dari segi ranking penyalahgunaan dadah di seluruh negara jatuh nombor dua dan akhir-akhir ini penggunaan ubat batuk yang juga memerlukan keterangan ahli kimia cukup menimbulkan masalah di Kelantan. Sebab itu kalau orang kata Kelantan ini negeri serambi Mekah, tetapi serambi itu tidak macam Mekahlah, kalau dari segi aspek itu. Aspek penyalahgunaan dadah ini cukup serius. Sebab itu saya cadangkan supaya ini ditubuhkan di Kelantan, satu cawangan dikhaskan untuk Kelantan.

Kita bayangkan daripada Jeli, daripada Rantau Panjang mesti dibawa ke Kuala Terengganu. Kemudian hendak bawa ke Terengganu satu trak, polis kena bawa satu pegawai, dibantu oleh dua pegawai, perjalanannya ke Terengganu mengambil masa hampir tiga jam, kemudian balik, kemudian pergi ambil lagi, semuanya ini akan melibatkan kos. Kalaulah kita dapat menempatkan seorang ahli kimia dengan beberapa orang kakitangan di Kelantan, satu makmal yang kecil untuk mengendalikan kes seperti ini, saya rasa perbelanjaan dapat dijimatkan dengan begitu banyak sekali. Yang Terengganu sekarang boleh berfungsi di Terengganu. Yang ibu pejabatnya di Petaling Jaya itu untuk mengendalikan penyelarasan pentadbiran seluruh negara. Yang di Terengganu sekarang boleh dijadikan regional office iaitu pejabat kawasan untuk mengendalikan kes-kes besar yang melibatkan beberapa kes bagi Kelantan, Terengganu dan sebahagian daripada Pahang.

Jadi sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, dengan penubuhan pejabat ini barangkali pihak kementerian akan berkata bahawa dalam keadaan masalah ekonomi (economy recession) sekarang untuk mewujudkan jawatan-jawatan baru ada masalah. Saya rasa ini dapat dilakukan dengan penempatan semula pegawai-pegawai yang sedia ada. Misalannya kalau kita ada dua di Terengganu boleh dipindahkan ke Kelantan, arahnya perlu satu dua orang pembantu dengan pejabat kecil sahaja dapat menyelesaikan kes-kes. Dengan cara ini, satu, dapat mempercepatkan proses siasatan yang akan dibuat oleh pihak polis, pihak kastam dan jabatan-jabatan lain yang berkaitan. Yang keduanya, menyelamatkan masa mereka ini dan ketiganya mengurangkan kos sesuai dengan dasar kita sekarang hendak menjimatkan kos. Maka kita cadangkan supaya ianya diadakan di negeri-negeri ini, dengan ini kos akan dapat dijimatkan. Walaupun kos ini akan menjadi bertambah kepada pihak jabatan kimia tetapi dari segi penglibatan dengan jabatan-jabatan lain kemungkinan akan berkurangan.

Cuba kita bayangkan misalannya satu kes yang berlaku di Rantau Panjang. Polis di Rantau Panjang kena bawa ke Terengganu. Tetapi kalau ada di Kota Bharu, daripada Rantau Panjang ke Kota Bharu, itu menjimatkan kos dan masa perjalanan dan

sebagainya, kemudian kes-kes penyelesaian tadi boleh diselesaikan dengan cepat kerana penyiasatan mana-mana kes terutamanya kes-kes yang berkait dengan penyalahgunaan dadah, kes bunuh, yang besar semua ini.

Konklusi mengenai kertas penyiasatan tidak boleh dibuat sehingga keterangan kimia ini dapat diberikan kepada pihak pegawai penyiasat, barulah keputusan dapat dibuat sama ada untuk menetapkan perbicaraan atau tidak. Selagi laporan kimia tidak dapat disiapkan, maka ianya tertangguh. Begitu juga bila berlaku kes, kalaulah misalnya seorang ahli kimia di Terengganu, kes berlaku di Kelantan, dia kena tinggalkan office, kadang-kadang seminggu pergi bicara di Kelantan dan ini tidak ada orang hendak hendak buat kerja pula. Jadi kalau kita buat di Kelantan, yang daripada Kelantan boleh sekejap sahaja untuk memberi keterangan di mahkamah. Jadi dengan cara ini, Tuan Yang di-Pertua, kos secara keseluruhan dalam keadaan ekonomi ataupun masalah ekonomi yang berlaku sekarang ini pada pandangan saya ianya dapat dijimatkan.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa universiti-universiti dalam negara kita ini sekarang ini kalau dari segi masalah kakitangan yang tidak cukup atau tidak cukup ahli kimia, saya tidak tahu sama ada pihak kerajaan sekarang menghadapi masalah ahli kimia. Saya percaya ini tidak akan berlaku kerana kita tahu bahawa banyak universiti dalam negara kita yang boleh mengeluarkan ahli-ahli kimia yang pakar untuk menjawat beberapa tugas dan jawatan. Saya perhatikan dari segi kenaikan pangkat ahli-ahli kimia ini adalah amat perlahan sekali. Saya nampak peluang kenaikan pangkat mereka barangkali kerana skop kerja mereka.

Maka saya mencadangkan supaya pihak kerajaan memikirkan semula untuk memperluaskan skop kenaikan pangkat mereka ini. Mewujudkan jawatan-jawatan baru, struktur jawatan baru yang memberi lebih peluang kenaikan pangkat kepada mereka yang berada dalam sektor kerajaan ataupun di jabatan-jabatan kimia sekarang, kerana kita tahu bahawa tawaran yang diwujudkan daripada pihak luar terutamanya untuk mendapatkan perkhidmatan mereka dengan tangga gaji yang ditawarkan oleh kerajaan adalah jauh berbeza. Dengan demikian, kecenderungan mereka ini untuk meletakkan jawatan dan berkecimpung di sektor swasta adalah lebih baik, maka mereka akan berhenti kerja dan seterusnya bekerja dengan pihak swasta.

Peranan jabatan kimia ini cukup penting, Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini ya, cukup penting dan peluang yang penting ini adalah perlu kita selaraskan kepada orang-orang yang berwarganegara. Kita tengok sekarang, ini adalah satu bidang yang khusus, bidang yang memerlukan kemahiran tinggi, bidang yang memerlukan kemahiran dan kepakaran. Barangkali dahulu kita boleh melantik ahli-ahli majlis daripada mereka yang bukan warganegara kerana pada masa itu, barangkali kita baru mencapai kemerdekaan. Maka kita tidak ada orang cerdik pandai, kita tidak ada ahli kimia yang berwibawa tetapi sekarang, universiti-universiti tempatan telah mengeluarkan ahli-ahli kimia yang berkelayakan dengan begitu ramai sekali dan mereka ini jika diberi persaingan dengan peluang untuk menjadi ahli majlis ini bukan kepada warganegara, maka peluang mereka ini akan terjejas dan jika jawatan-jawatan ini dihadkan kepada warganegara, maka ini akan memberi peluang yang lebih kepada warganegara terutamanya ahli kimia yang berwarganegara Malaysia untuk menjawat jawatan tersebut.

Dari segi kualiti, saya rasa ini tidak dapat dipertikaikan. Dari pengalaman saya, ahli-ahli kimia kita sekarang ini cukup setanding kualitasnya, pengalamannya, latihan yang diberikan adalah cukup setanding dengan mereka yang bukan warganegara dan boleh memberi khidmat tanpa cacat cela. Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, anggota majlis yang mentadbirkan ini kerana kita sudah cukup sekarang ini ahli-ahli kimia tempatan, maka anggota majlis juga mesti dikendalikan oleh orang-orang tempatan atau mana-mana jawatankuasa.

Seperti yang saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, barangkali pada saat-saat selepas kita mencapai kemerdekaan, kita kekurangan ahli-ahli ini untuk menjawat jawatan ini. Tetapi sekarang saya tidak fikir ini akan menjadi masalah dan barangkali

Yang Berhormat Menteri pun mencadangkan pindaan ini kerana kita mempunyai cukup ahli kimia yang berwibawa, yang berwarganegara yang boleh menjawat jawatan ini. Jadi tidak ada sebab mengapa jawatan-jawatan penting, berkualiti ini kita perlu berikan kepada mereka-mereka yang bukan warganegara. Soal warganegara bukan soal kita hendak memperkecilkan mereka yang berkelayakan, mereka yang bukan berwarganegara, tidak sama sekali. Tetapi kalau jawatan-jawatan penting seperti ini kita buka peluang kepada bukan warganegara, saya percaya ini akan menjejaskan ahli-ahli kimia tempatan untuk menjadi anggota majlis dan pada pandangan saya mereka mampu untuk mengendalikan suatu bidang profesion mereka sendiri. Ahli-ahli kimia yang sedia ada, mampu untuk menjadi anggota majlis dan mengendalikan profesion mereka sendiri dan setanding dengan mereka yang bukan warganegara.

Sudah banyak dalam negara ini, Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya menyokong penuh rang undang-undang ini kerana bukan soal kita hendak memperkecilkan mereka yang bukan warganegara tetapi dalam bidang-bidang tertentu yang kita tidak mempunyai kemahiran, itu dibolehkan. Misalannya dalam bidang pekerjaan tertentu, di mana kita tidak mempunyai anggota-anggota atau orang-orang tempatan yang berkelulusan tinggi yang sesuai dalam bidang tersebut – itu boleh, boleh kita berikan kepada orang bukan warganegara. Tetapi dalam kes di mana kita mempunyai ahli-ahli yang cukup, maka tidak ada sebab mengapa kita memberi peluang kepada bukan warganegara. Sebab kita telah banyak mendengar kritikan bukan sahaja dalam soal bill ahli kimia ini, Tuan Yang di-Pertua, soal Akta Ahli Kimia ini tetapi dalam soal lain.

Kita pernah mendengar rungutan dan sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, walaupun tidak ada kaitan dengan ini, saya hendak menyebut sebagai contoh – kita mendengar rungutan, bagaimana susahanya rakyat tempatan untuk mencari pekerjaan, bagaimana susahanya peniaga-peniaga tempatan untuk mendapat ruang-ruang pejabat perniagaan, bagaimana susahanya peniaga-peniaga tempatan untuk mendapat gerai-gerai perniagaan kerana ianya dibolot oleh warga-warganegara asing yang datang sebagai pendatang haram ke negara ini. Jadi sebelum daripada rungutan-rungutan seperti ini memuncak terutamanya dalam keadaan kegawatan ekonomi sekarang, sebarang langkah untuk mengutamakan warganegara Malaysia adalah langkah yang patut dipuji.

Sebab itulah rang undang-undang ini pun pada pandangan saya ialah satu rang undang-undang yang patut dipuji kerana ianya adalah merupakan satu langkah untuk memberi keutamaan kepada warganegara Malaysia yang mana pada pandangan saya, kerajaan begitu sensitif. Kalau selama ini, ada warganegara membangkitkan soal keutamaan, dulu kita pernah dengar - suatu masa di mana suatu jawatan tertentu seorang ahli korporat yang bekerja di negara ini bukan warganegara diberi gaji sampai RM25,000 sedangkan ianya, ada, boleh dipikul oleh rakyat tempatan, mengapa kita perlu ada pekerja bukan warganegara yang diberi gaji RM25,000. Kalau kita mempunyai orang tempatan yang hanya boleh digaji dengan RM10,000, inilah keutamaan (priority) kita.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kita mesti meletakkan keutamaan yang sejajar, keutamaan yang kena pada tempatnya. Jangan seperti kata pepatah: “kera di hutan disusukan, anak di kepuk mati kelaparan”, ini kita tidak mahu. Jadi dalam setiap sektor bukan sahaja dalam sektor kimia, ahli kimia tetapi semua sektor. Kalau boleh kita sekarang sudah mencapai satu tahap di mana orang-orang tempatan sudah mempunyai kelayakan dan mampu untuk menjawat apa saja jawatan dalam negara ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak perlu kepada orang asing lagi, dengan kata lain. Cuma barangkali dalam bidang-bidang tertentu, bidang-bidang yang memerlukan kemahiran tinggi di mana kita tiada, ini dibolehkan. Tetapi dalam bidang ini, satu bidang di mana orang-orang tempatan mempunyai kelayakan dan cukup untuk menjawat jawatan tersebut, maka tidak perlu lagi dan tiba masanya kerajaan menghadkan jawatan-jawatan ini.

Kalau jawatan ini terus dibiarkan, kalau tanpa pindaan kepada seksyen 11 ini, saya percaya ruang ini akan memberikan satu pertandingan (competition) antara ahli kimia yang warganegara dengan ahli kimia yang bukan warganegara. Apabila mereka bertanding di pasaran atau bertanding untuk merebut jawatan, berkemungkinan mereka yang bukan warganegara akan mendapat kemudahan ataupun peluang yang lebih daripada warganegara. Ini akan menimbulkan rasa tidak puashati, jadi sekarang ini kita menghadkan jawatan-jawatan ini kepada mereka yang berwarganegara Malaysia, dengan cara ini ianya adalah menjadi suatu dorongan kepada ahli-ahli kimia yang ada untuk berkhidmat bukan sahaja dengan kerajaan tetapi memberi sumbangan kepada negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya nyatakan tadi bahawa ini menunjukkan kerajaan sensitif dengan teguran-teguran yang dibuat oleh pihak-pihak pembangkang terutamanya, sebelum daripada ini banyak tuduhan bahawa penubuhan dan pengwujudan peluang-peluang pekerjaan terutamanya dalam sektor-sektor korporat yang memerlukan kemahiran, ada anak tempatan tetapi orang luar diberi jawatan dengan gaji yang tinggi, peluang-peluang perniagaan tetapi orang luar mempunyai peluang yang lebih daripada orang-orang tempatan. Sekarang ini, adalah menunjukkan satu contoh bahawa kerajaan cuba untuk response kepada sensitiviti ataupun permasalahan yang dibangkitkan oleh mereka ini dan salah satu caranya ialah dengan meluluskan pindaan kepada seksyen 11 ini iaitu untuk menjadikan anggota majlis daripada mereka yang berwarganegara Malaysia. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong.

Dr. Yap Yit Thong: *Bangun*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Lumut

5.08 ptg.

Dr. Yap Yit Thong [Lumut]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam perbincangan untuk meminda Akta Ahli Kimia 1975. Tuan Yang di-Pertua, bahan kimia memainkan satu peranan yang amat penting dalam kehidupan harian setiap orang. Bahan kimia adalah digunakan dalam pengeluaran bahan-bahan makanan dan jagaan kesihatan orang awam dan binatang.

Dalam bidang pertanian, terutama dalam penanaman sayur-sayuran dan buah-buahan, kebanyakan racun serangga digunakan oleh pertanian. Buat masa kini, majoriti racun serangga digunakan adalah diimport dan sebab kegawatan ekonomi dan kejatuhan nilai wang ringgit, harga racun serangga import telah meningkat beberapa kali ganda. Ini bermakna, hasilnya rakyat jelata telah dibebankan dengan inflasi import kerana kos untuk menanam sayur-sayuran telah meningkat. Saya harap, jabatan kimia/kerajaan akan mengambil inisiatif untuk menggalakkan syarikat tempatan mengeluarkan lebih banyak jenis racun serangga supaya negara kita boleh menjimatkan pertukaran wang asing.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan penggunaan bahan kimia seperti racun serangga dan racun perosak dan penyeliaan ke atas toksik dalam hasil-hasil pertanian seperti sayur-sayuran dan buah-buahan. Dalam tempoh kegawatan ekonomi ini, kita digalakkan untuk mengamalkan konsep "Buku Hijau" atau 'Green Book Plan' iaitu menanam hasil-hasil makanan terutama di luar bandar dan mengurangkan pengimportan makanan untuk mengelak mata wang kita mengalir ke luar negeri.

Orang-orang kampung atau luar bandar yang terdiri daripada petani-petani banyak menggunakan racun serangga dan racun perosak tetapi panduan mengenai cara menggunakan racun ini secara selamat biasanya tidak diterangkan atau diperjelaskan oleh penjual kepada pengguna, akibatnya:-

- (i) petani terdedah dengan kesan toksik bahan kimia secara terbuka atau langsung;

- (ii) petani membuang sisa kimia atau bahan kimia ke dalam sungai yang ketika menggunakan air sungai untuk melarutkan bahan kimia tersebut atau apabila mencuci peralatan menyembur racun serangga menyebabkan pencemaran alam sekitar; dan
- (iii) supaya tahap toksik adalah di paras minimum dan tidak merbahaya kepada hasil pertanian dalam tempoh antara penyemburan dan menuai, sama ada pihak berkuasa yang berkaitan yang mempunyai—penguatkuasaan pemeriksaan terhadap pertanian supaya pengguna mendapat makanan yang bersih dan berzat.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan jualan langsung produk-produk makanan tambahan seperti vitamin-vitamin. Sepatutnya ada kawalan atau penyeliaan terhadap kandungan kimia produk-produk tersebut kerana bahan-bahan kimia yang digunakan untuk menghasilkan produk-produk tersebut. Produk-produk ini sepatutnya dijual menerusi atau oleh farmasi yang bertauliah bukan oleh sesiapa yang tidak mempunyai pengetahuan dalam bidang kimia atau kesihatan. Penggunaan tidak mendapat nasihat secara profesional khususnya akan menimbulkan masalah.

Tuan Yang di-Pertua, isu berkenaan penyelidikan dan pembangunan. Saya rasa usaha lebih perlu diambil dalam penyelidikan dan pembangunan. Saya hendak tegaskan di sini, produk-produk kimia adalah 'value added' dengan izin, dan boleh mendapat keuntungan yang lebih tinggi. Contohnya dalam bidang bio-teknik, pada masa kini di negara kita, tiada suatu syarikat yang mengeluarkan 'bio-technique product' seperti vaksin untuk digunakan mengawal penyakit seperti Hepatitis B atau ubat-ubat untuk rawatan kepada penyakit kanser dalam bidang onkologi dan dalam bidang 'forensic medicine' iaitu perubatan forensik. Kita masih belum ada penyelidikan dan pembangunan dalam bidang ini.

Satu contoh di mana syarikat boleh mendapat 'value added' dan keuntungan yang lebih tinggi. Contohnya seperti produk yang terkini dan popular sekarang, ianya viagra dikeluarkan oleh Pharmaceutical Company Pfizer.

Tuan Yang di-Pertua dalam amalan farmasi di negara kita kebanyakan ubat-ubat digunakan secara import sama ada generik atau patent. Kejatuhan nilai wang ringgit kita telah menyebabkan harga ubat import meningkat beberapa kali ganda. Untuk menyahut seruan kerajaan membeli barangan tempatan sepatutnya hospital-hospital kerajaan dan hospital-hospital swasta digalakkan menggunakan ubat generik tempatan. Saya harap kerajaan akan memberi insentif dari segi tafsiran dan kewangan untuk industri farmasi tempatan dan mengambil perhatian dalam penyelidikan dan pembangunan supaya ubat-ubat berkualiti tinggi boleh dikeluarkan oleh Pharmaceutical Company tempatan.

Berkenaan isu pendaftaran ubat baru oleh Drugs Control Authority (DCA) dengan izin dalam Kementerian Kesihatan. Proses ini mengambil masa sangat panjang seperti dua tahun. Saya mencadangkan di sini pihak Kementerian Kesihatan mengurangkan tempoh masa untuk mendaftar ubat supaya industri pharmaceutical boleh digalakkan dan dibangunkan.

Tuan Yang di-Pertua dengan ini saya mohon menyokong, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Bintulu.

5.18 ptg.

Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membangkitkan perhatian berat saya mengenai masalah sayur-sayuran dan buah-

buah yang kita makan pada setiap hari, sama ada kita mempunyai ahli kimia yang cukup untuk bertugas di dalam makmal terutamanya di Bintulu supaya mereka berupaya membuat penyelidikan, pemeriksaan setiap hari dan bagaimanakah mereka boleh melakukan tugas itu. Apatah lagi dengan terbinanya lima makmal baru yang moden bernilai RM147 juta yang dijangka siap pada akhir tahun 1998. Bagaimana pula dengan makmal kimia pertanian? Terdapat begitu ramai penduduk yang menanam sayur-sayuran di Bintulu untuk jualan, kita juga mendapati penduduk Iban di rumah panjang juga menanam, para pekebun keturunan Cina dan para pekerja perladangan bangsa Indonesia yang mengusahakan tanaman sayur. Terdapat sayur-sayuran dari kawasan lain yang di datangkan ke Bintulu untuk dijual. Saluran untuk mengedarkan sayuran ini begitu luas, selain dijual di pasar-pasar ia dibawa ke depan pintu rumah oleh para penjaja malah kita boleh membelinya dari pasaraya di mana sahaja. Persoalannya ialah bagaimanakah kekerapan ahli kimia berjalan membuat pemeriksaan ke atas pengeluaran-pengeluaran tanaman ini sama ada di pusat jualan atau di kebun sayur? Berapa banyak bahan kimia yang digunakan oleh pekebun-pekebun supaya sayur-sayuran bebas dari serangga-serangga perosak dan boleh dijual dengan lebih baik? Kita ingin tahu adakah kandungan kimia dalam sayur-sayuran selamat untuk dimakan oleh manusia, bagaimanakah kita boleh mengetahui bahawa sayur-sayuran yang kita makan sebenarnya telah diperiksa dan dianalisis? Apakah terdapat ahli kimi yang membuat pemeriksaan ke atas ternakan ayam dan lain-lain haiwan yang ditenak untuk tujuan makanan? Bagaimanakah kekerapan ini dibuat dan bagaimanakah kita boleh mengetahui ianya telah diperiksa dengan teliti?

Satu lagi yang saya ingin bangkitkan ialah tidak ada tempat di Sarawak yang saya pernah mendengar atau melihat tompokan kuning sebesar satu ke dua milimeter, diameter jatuh dari atas angkasa kecuali di Bintulu. Kadang kala pada awal pagi dan kadang kala apabila udara lembab. Tompokan ini mudah dilihat di atas cermin kenderaan dan ia sudah berlaku sejak beberapa tahun lalu. Adakah ahli kimia di Bintulu yang membuat analisis tentang ini dan apakah sebenarnya tompokan kuning itu, sama ada ia selamat atau bahaya kepada kesihatan manusia. Apakah ia ada kaitan dengan kualiti udara di Bintulu yang nampaknya merekodkan penyakit penafasan bahagian atas yang tertinggi berbanding kawasan-kawasan lain di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi selain daripada apa yang saya perkatakan tadi berapa ramai ahli kimia yang terlibat dalam pengurusan jenayah dan memandangkan kegiatan jenayah yang semakin sofistikated pada akhir-akhir ini. Adakah kita mempunyai guna tenaga ahli kimia yang cukup di Bintulu dan adakah makmal yang serba lengkap bagi menjalankan tugas dengan berkesan di kawasan ini. Adakah sistem DQ Alfa dan Polymarker terdapat di Sarawak yang berupaya menganalisis bahan bukti biologi yang sedikit di sana. Memandangkan industri berasaskan kimia mengalami pertumbuhan output yang memberangsangkan iaitu sebanyak 24.4% pada tahun 1997 berbanding 19.6% pada tahun 1996 yang mana peningkatan ini disebabkan oleh permintaan domestik dan luaran yang tinggi tetapi industri kimia negara yang terdiri dari bahan-bahan kimia perindustrian, petrokimia, baja, cat dan dakwat, racun serangga, ubat-ubatan dan produk farmasi dan plastik masih banyak bergantung kepada pengimportan iaitu RM6.46 bilion dan nilai eksport hanya RM3.1 bilion dalam tahun 1997. Untuk membantu negara keluar dari masalah ekonomi, industri kimia untuk tujuan eksport perlu ditingkatkan dan di sini bilangan ahli kimi perlu ditambah. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Sipitang.

5.25 ptg.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil sedikit bahagian dalam membahaskan Akta Ahli Kimia (1975) ini, yang mana saya ingat sudah sampai masanya kementerian untuk meminda akta ini yang saya rasa bertujuan untuk memperkemas peraturan mengamalkan profesion kimia. Yang kedua untuk menaikkan martabat Institut Kimia Malaysia dan

menjaga profesionalisme ahli-ahli kimia. Yang ketiga untuk menaikkan imej ahli-ahli kimia tempatan yang ada di negara kita pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa pada masa ini keahlian Institut Kimia Malaysia ini cuma 1,778 termasuk 23 orang warga asing. Yang mana ahli-ahli ini adalah daripada tiga kumpulan iaitu sama ada ahli fellowship, ahli bersekutu (associateship) dengan izin dan ahli pelesen (licenceship) dengan izin. Syarat kelayakan adalah kelayakan akademik dan mereka yang mempunyai pengalaman praktikal dalam kimia. Saya ingin minta penjelasan dari Yang Berhormat Menteri berapa orangkah ahli kimia sebenarnya di Malaysia ini mengikut pecahan-pecahan yang ada dalam bidang masing-masing. Jikalau ahli itu ramai apakah semua mereka ini telah menjadi ahli kepada majlis ini. Seperti Malaysian Medical Association, dengan izin, walaupun ramai doktor di Malaysia ini tetapi ada doktor yang tidak menjadi ahli kepada Pertubuhan Perubatan Malaysia. Jadi mungkin juga keadaan ini sama dengan kedudukan ahli-ahli kimia. Saya juga meminta penjelasan dari Yang Berhormat Menteri apakah kedudukan ahli-ahli kimia yang bekerja dengan universiti atau pun Institut Pengajian Tinggi Swasta dan juga Awam. Dan juga ahli-ahli kimia yang bekerja dengan syarikat-syarikat multinasional yang besar di negara kita ini. Bagi orang-orang biasa mungkin tidak begitu faham dengan peranan ahli-ahli kimia ini tetapi sebenarnya peranan ahli kimia ini begitu luas dan begitu penting. Ia boleh sebagai satu bidang yang menaikkan nama negara dan juga sebagai satu bidang kalau tidak digunakan sebaiknya sebagai pemusnah negara juga.

Ahli-ahli kimia ini mempunyai bidang yang luas terutama sekali kalau kita lihat sektor-sektor penglibatan mereka dalam sektor pertanian yang mana bahan-bahan kimia juga begitu meluas digunakan dalam bidang pertanian. Kemudian dalam bidang perubatan dan tidak kurang juga dalam bidang perindustrian yang lain. Kedudukan negara kita sekarang ini ke arah negara perindustrian tentu sekali peranan ahli kimia ini begitu penting untuk kita melihat kembali dan membuat penyusunan semula saya rasa peranan ahli kimia ini supaya dikemaskini. Pada masa ini apakah pengkhususan telah pun dibuat kepada ahli-ahli kimia ini. Misalnya dalam bidang kimia hayat, kimia organik dan bukan organik dan juga kimia forensik dan lain-lain bidang yang ada kaitan dengan keperluan negara. Apakah langkah kerajaan untuk memperbanyakkan untuk memenuhi keperluan ahli-ahli kimia negara yang kalau kita lihat sekarang ini semakin diperlukan. Apakah kerajaan bercadang untuk menubuhkan pusat latihan atau pun untuk melatih ahli-ahli kimia ini sebagai ahli kimia yang berkebolehan untuk membantu membangunkan negara?

Kita mohon jua kepada kerajaan supaya peranan ahli-ahli kimia ini dipertingkatkan yang mana kerajaan boleh mengarah untuk menghasilkan produk-produk baru yang memberi manfaat kepada kerajaan yang mana seperti yang dikatakan tadi iaitu pada masa ini kita begitu bergantung kepada hasil-hasil luar negara, contohnya bahan-bahan kimia daripada baja, bahan-bahan organik daripada pertanian, apakah tidak kerajaan memikirkan kerana barang-barang ini adalah begitu mahal, apakah tidak kerajaan bercadang supaya perkara ini kita buat kajian penyelidikan di negara kita dengan gabungan ahli-ahli kimia ini supaya produk baru dapat kita hasilkan.

Ini mungkin dengan kerjasama kerajaan, dengan pemberian grant tertentu kepada kumpulan ahli-ahli kimia ini supaya mereka ini membuat yang saya katakan tadi, satu kajian yang mendalam untuk sesuatu produk, misalnya di negara kita ini begitu banyak produk yang boleh dikaji dan diketengahkan seperti satu syarikat Pfizer Inc. yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lumut tadi bahawa penemuan viagra yang daripada tumbuhan yang begitu popular sekarang ini yang membuatkan kilang itu menjadi kaya-raya dan juga ahli kimia yang tentunya ahli kimia yang menemui itu juga menjadi multi-millionaire, dengan izin.

Jadi, apakah kita tidak juga bercita-cita tinggi seperti yang dibuat di negara asing itu yang mana kalau kita lihat di negara kita ini banyak bahan tradisional

daripada tumbuhan yang mempunyai biodiversity, dengan izin, yang begitu luas di negara kita tentunya ada barang-barang yang mempunyai nilai komersial dan juga nilai-nilai tertentu yang boleh kita gunakan dan juga dipasarkan di peringkat antarabangsa. Memang ada kajian yang telah dibuat seperti Tongkat Ali dan lain-lain penemuan tetapi tidaklah begitu mendalam dan tidak begitu dipasarkan menyeluruh kerana mungkin ini cuma sebahagian kecil penemuan yang kita buat. Mungkin ahli-ahli kimia kita bergabung dengan ahli-ahli ataupun pakar-pakar profesional yang lain seperti ahli farmasi dan ahli-ahli fizik yang mana boleh menghasilkan barang-barang ini tadi.

Kita berharap dengan adanya kerjasama ini—tentu sekali kerajaan dapat memberi satu matlamat ataupun apakah yang kerajaan inginkan dan kita arahkan ahli-ahli kimia ini membuat penyelidikan kepada perkara-perkara tertentu, jikalau ahli-ahli kimia ini tidak boleh berusaha sendiri, mungkin ada usaha-usaha supaya digabungkan dengan ahli-ahli kimia daripada Institut Pengajian Tinggi seperti universiti dan lain-lain supaya boleh membuat kajian yang mendalam.

Mereka juga harus bertukar-tukar fikiran dan pendapat dengan ahli-ahli kimia dari negara lain supaya kualiti pemikiran mereka boleh pada tahap yang terkini dan tahu tentang perkembangan kimia antarabangsa. Kalau boleh juga diberi kelonggaran kepada ahli-ahli kimia Malaysia ini supaya dapat juga bergabung ataupun bekerjasama dengan institut kimia negara-negara lain supaya mereka boleh memperkinikan peringkat ilmu mereka.

Di samping melahirkan ahli-ahli kimia untuk kegunaan negara kita, sesuai dengan kedudukan negara sekarang di mana kita ingin memasarkan ilmu kepada negara-negara lain juga mungkin dengan adanya penyusunan ahli-ahli kimia di negara kita ini kita boleh juga membekalkan ahli-ahli kimia negara kita kepada negara-negara ketiga yang mana perlukan bantuan khususnya negara-negara yang sama dan rakan kongsi dengan kita, mungkin negara-negara di kawasan tropika dan di kawasan-kawasan jiran di Asia.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri apakah sebenarnya kedudukan ahli-ahli kimia asing di Malaysia ini sekarang, apakah setelah mereka tidak menjadi ahli majlis ini, apakah mereka masih boleh membuat aktiviti mereka seperti biasa. Apakah mereka ini juga tertakluk dengan peraturan-peraturan yang ada di negara kita ataupun boleh membuat sesuka hati mereka seperti mereka yang berada di syarikat-syarikat yang besar, yang mana kajian mereka, mereka buat secara berselindung ataupun secara tersendiri. Jadi, mungkin inilah yang perlu kita perkemaskan.

Mengenai dengan keperluan supaya ahli-ahli majlis ini adalah orang-orang tempatan, itu satu langkah yang begitu wajar kerana sudah sampai masanya orang-orang profesional Malaysia sendiri yang menerajui badan-badan profesional di negara kita ini. Ini adalah untuk menaikkan imej ahli-ahli kimia kita, yang mana saya rasa pada masa ini sudah berkemampuan, berkebolehan untuk mengemudi institut ini. Ini juga penting kerana badan ini nanti akan menerajui apa-apa juga aktiviti yang akan digunakan di negara kita, misalnya dalam kajian tertentu jikalau kita sentiasa membiarkan orang-orang asing menerajui institut ini ataupun badan ini mungkin tanpa kita sedar ia boleh disalahgunakan oleh orang-orang asing ini. Apa tidaknya jikalau misalnya oleh kerana kemudahan yang ada di badan ini yang ada peruntukan dan juga ada peralatan mereka boleh membuat kajian mereka sendiri ataupun penyelidikan mereka sendiri dan hasil penyelidikan ini tanpa kita sedari jikalau penyelidikan itu mempunyai hasil yang baik, mungkin mereka akan menggunakan hasil ini dan mereka bawa ke tempat lain dan digunakan di tempat lain sebagai sumber pendapatan mereka kerana apa jua kajian tentunya khususnya yang mempunyai nilai komersial yang tinggi akan memberi faedah yang baik kepada pengamalnya dan kita minta juga kepada kementerian apakah selama ini telah ada kajian-kajian ataupun penyelidikan dibuat dan apakah hak cipta kajian ini terpelihara sama ada mereka telah bawa ataupun dalam simpanan kita, apakah jaminan kita bahawa hasil-hasil kajian ini adalah milik negara

kita, tidak sampai terlepas ke tangan orang lain yang mempunyai kepentingan tertentu kerana di negara kita ini mempunyai sumber-sumber bahan mentah untuk kajian ahli kimia yang begitu tinggi.

Saya ingin menekankan juga bahawa dipertingkatkan peranan ahli-ahli kimia ini khususnya dalam bidang tertentu seperti yang dikatakan oleh rakan-rakan tadi iaitu dalam bidang kajian makanan yang mana negara kita ini saya tidak pernah mendengar barangan makanan yang dihantar ke Malaysia ini ditolak ataupun direject, dengan izin bahawa makanan ini tidak fit ataupun tidak sesuai digunakan lagi. Ada terdapat berita yang mengatakan bahawa banyak negara-negara ketiga yang tidak mempunyai ahli kimia ataupun kajian kandungan makanan menjadi, dumping ground, dengan izin, pada barang-barang buatan mereka yang tidak laku di negara mereka dan dijual dengan murah di negara kita dan ini digunakan oleh negara kita.

Dr. Yap Yit Thong: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Lumut bangun.

Dr. Yap Yit Thong: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat berkenaan Sukan Komanwel yang akan datang pada bulan September dan saya rasa memang ada pusat kimia untuk menyasat atlet-atlet yang menggunakan body enhancing steroid, anabolic steroid, adakah pusat di negara kita, kalau ada di mana dan untuk pengendalian pusat ini digunakan oleh orang tempatan ataupun oleh orang asing? *[Ketawa]*

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Lumut, dia ingat ini menteri yang jawab ini. *[Ketawa]* Saya belum menteri lagi, tetapi saya menyokong pertanyaan beliau kerana kita belum begitu jelas dengan kedudukan perkara ini, kita berharap Yang Berhormat Menteri dapatlah menjelaskan perkara ini. Apa yang penting yang saya katakan tadi bahawa kita tidak mahu dengan kelemahan negara kita, negara kita menjadi hamba orang lain, menjadi dumping ground orang lain.

Dengan adanya ahli kimia yang berwibawa, berkualiti dan mampu menjalankan tugas bidang mereka masing-masing, kita minta ahli kimia ini membantu negara supaya dapat menjaga rakyat kita daripada termasuk dalam orang-orang yang dalam ancaman bahaya khususnya seperti yang saya katakan tadi bahawa ada produk-produk negara lain yang negara mereka tidak menggunakan lagi dan oleh kerana jikalau dibuang akan merugikan mereka, mereka sengaja menghantar barangan ini bukan sahaja makanan dan lain-lain kegunaan dihantar ke negara ketiga dan negara ketiga tidak mempunyai cukup kelengkapan dan juga kepakaran untuk mengkaji perkara ini maka kita menggunakan dan kita terdedah kepada bahaya bukan sahaja bahaya dalam makanan tetapi bahaya pengguna-pengguna yang lain misalnya barang-barangan pencucian dan sebagainya.

Kita sering mendengar negara jiran kita kalau di Singapura ataupun di Brunei, kita dapat kes-kes bahawa beberapa banyak sayur yang dihantar dari Malaysia ini bila sampai di negara mereka, mereka membuang atau menolak sayur-sayuran itu kerana mengandungi bahan-bahan kimia yang merbahaya yang tinggi di atas paras merbahaya untuk kegunaan mereka. Tetapi jarang berlaku di negara kita ini mungkin tindakan kita kurang mendapat publisiti dan mungkin ini bukan prioriti kita untuk menyuarakan perkara ini. Tetapi bagi saya ini juga penting kerana keselamatan jangka panjang itu penting, jikalau ini berterusan, ia akan memudaratkan.

Bagi barang-barang misalnya sayur-sayuran yang digunakan di kawasan luar bandar tentunya banyak yang tidak terkawal dan kalau kita melihat ia tentu mengandungi bahan-bahan racun yang tinggi, jadi ini juga harus kita pertimbangkan, harus kita kaji. Bagi perkara yang ada kaitan dengan kajian saintifik yang diperlukan oleh negara kita, kita mestilah juga memperkuatkan, mempertingkatkan,

melipatgandakan lagi usaha ke arah kajian ini. Ini adalah untuk membantu negara kita untuk menimba alaf baru supaya kita dapat bersaing dengan negara-negara lain.

Jadi, itulah yang kita harapkan supaya ia bukan lagi menjadi gelak ketawa orang lain, kita mestilah menjadi sebagai pesaing ataupun orang yang dapat menyumbang juga ke arah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah ada banyak lagi yang hendak diucapkan, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Kapar.

5.43 ptg.

Dr. G. Leelavathi [Kapar] Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya untuk sama-sama berucap bagi meminda Akta Ahli Kimia 1975.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang perlu ditekankan di sini ialah tentang pembangunan bidang kimia itu sendiri di dalam negara kita ini. Saya mengharapkan agar pembangunan dan pendedahan kepada semua pihak mahupun rakyat jelata dapat dipertingkatkan lagi supaya bidang kimia ini akan lebih menarik minat semua pihak bagi menyertai bidang ini kerana dirasakan pada masa ini penyertaan masyarakat umum khususnya di dalam bidang ini masih lagi belum memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu faktor lagi yang saya rasakan perlu diberi penekanan ialah mengenai kekurangan ahli-ahli kimia itu sendiri dan tenaga pengajar di dalam bidang kimia di dalam negara kita. Saya menyeru di sini agar pihak kerajaan dapat mengambil perhatian yang lebih serius di dalam hal ini supaya masalah ini akan dapat diatasi dengan segera.

Dalam kes perubatan forensic medicine, seorang ahli kimia mengambil masa kira-kira enam bulan hingga satu tahun untuk mendapatkan laporan disebabkan oleh kekurangan pakar ahli-ahli kimia. Kadangkala doktor juga memainkan peranan sebagai ahli kimia dan ini juga menyebabkan kes-kes tertentu mengambil masa beberapa tahun untuk disiapkan. Hari ini kita lihat terdapat banyak pencemaran dalam alam sekitar, pencemaran air dan makanan dengan bahan kimia. Sekiranya kita ingin hidup dalam alam sekitar yang sihat, kita perlukan bantuan ahli kimia bagi mengatasi masalah pencemaran.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita telah digemparkan dengan isu penghasilan pil viagra yang mendapat perhatian dari kaum lelaki di seluruh dunia di mana pil viagra ini dikatakan dapat membantu kaum lelaki yang menghadapi masalah impotensi.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ada yang berminat, dia bangun ya. Ya, Yan. Hendak beri jalan atau tidak?

Dr. G. Leelavathi: Ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya tertarik bila Yang Berhormat mengatakan viagra ini. Saya setakat hari ini tidak perlu *[Ketawa]* tetapi untuk sebagai seorang doktor, jadi adakah pil ini benar-benar sesuai untuk rakyat Malaysia menggunakan viagra ini kerana ini saya kira pil ini juga boleh menyelamatkan rumah tangga dan menambahkan lagi rakyat Malaysia.

Jadi, adakah Yang Berhormat juga boleh memberi sokongan dan cadangan kepada kerajaan supaya pil ini dapat dipasarkan dengan seberapa segera, kita dapat selesai masalah orang-orang yang perkakas dia kurang bergerak. *[Ketawa]*

Dr. G. Leelavathi: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir persoalan dari Ahli Yang Berhormat dari Yan, saya fikir lebih baik Yang Berhormat Menteri Kesihatan boleh menjawabnya. *[Ketawa]*

Saya mengharapkan seandainya pengedaran pil viagra ini dapat diedarkan di negara kita, kajian yang lebih teliti kelak mestilah dijalankan agar penggunaan bahan kimia ini tidak akan memudaratkan ataupun membahayakan sesiapa.

Akhir kata, saya menyeru agar apa yang telah diperkatakan oleh saya tadi akan mendapat perhatian yang sewajarnya dari pihak kementerian yang terlibat. Akhir kata, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Bukit Bendera.

5.48 ptg.

Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahas dalam bil yang mungkin pendek tetapi amat penting.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas kepada Ahli Yang Berhormat dari Bintulu kerana berani menentang Setiausaha Agungnya dan mengambil bahagian dalam perbincangan rang undang-undang ini kerana Setiausahanya berkata tadi bahawa bil-bil ini tidak mustahak dan cuma untuk pelawat-pelawat kita dari Australia, bil ini tidak ada apa-apa showmanship. Jadi, saya pun kuarir kepada Ahli Yang Berhormat dari Bintulu kerana mungkin dapat seperti Ahli Yang Berhormat dari Seputeh mungkin digantung atau disingkir dari partinya kalau menentang Setiausaha Agungnya.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Machang bangun.

Tuan Chia Kwang Chye: Sila.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya minta penjelasan dari Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera, kita lihat Ahli Yang Berhormat dari PAS pun tidak ada yang berucap berhubung dengan bil ini. Bil ini dalam ucapan saya tadi, saya telah katakan bahawa bil ini penting, kita hendak memberi keutamaan kepada anak tempatan dan kita lihat pembangkang lari keluar, seorang sahaja yang hadir. Adakah ini menunjukkan bahawa pembangkang sekarang tidak sensitif apabila kita hendak mengutamakan anak tempatan, kita hendak tahu sikap dia, yang baru menang pun kita lihat tadi duduk sahaja, sekarang sudah tidak ada pula. Ini pun kena beritahu bila hendak keluar dan bila hendak masuk, kena ajar dia dahulu. *[Ketawa]* Saya minta penjelasan dari Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, mungkin Ahli Yang Berhormat dari Arau sebagai seorang ahli baru mungkin tidak berani keluar, jadi, sebab itu sehingga sekarang baru keluar, tetapi keluar pergi buat apa, saya pun tidak tahulah. Tetapi mengikut ucapan Ahli Yang Berhormat dari Machang, mungkin PAS telah dapat arahan daripada Ketua Pembangkang supaya jangan mengambil bahagian dalam perbincangan ini, cuma Ahli Yang Berhormat dari Bintulu yang berani mengambil bahagian.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya, kita bukan mengaturkan usul-usul atau

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Machang bangun lagi.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya hendak minta penjelasan dari Ahli Yang Berhormat, adakah sekarang ini nampak PAS sudah bersekongkol dengan DAP, jelas kita nampak ini Yang Berhormat, adakah bersetuju dengan saya dalam isu ini jelas dilihat, bila Ketua Pembangkang keluar tidak mengambil bahagian, orang PAS pun tidak seorang yang mengambil bahagian, dia bercakap di kampung, dia kata bahawa PAS tidak bersekongkol dengan DAP, tetapi dalam Dewan dia bersekongkol dengan DAP, bekerjasama dengan DAP, betul atau tidak Yang Berhormat?

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, ini memang sejauh yang saya tahu dan memang jelas ada pakatan tetapi di hadapan rakyat tidak ada. Tetapi di dalam Dewan dan di tempat-tempat lain saya tidak tahulah. Jadi perkara yang mustahak sekali dan sebagaimana yang diperkatakan kita bukan untuk mengatitkan rang undang-undang atau usul-usul kerana ada pelawat dari Australia atau mana-mana tempat. Kita ikut schedule sahajalah. Kalau ketua pembangkang tidak ada peluang untuk membahaskan usulnya memang itu bukan kuasa kita tetapi apa yang dilihat tadi seperti 'kera makan belacan'....

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Chia Kwang Chye: kerana tidak ada peluang untuk menunjuk kepada pelawat-pelawat dari Australia bahawa DAP ada usul untuk dibincang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Jelebu bangun.

Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak betulkan pepatah Ahli Yang Berhormat berkenaan itu bukannya 'kera makan belacan' tetapi seperti 'beruk kena belacan'. Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Macam mana kena atau makan, saya ingat *[Ketawa]* memang belacan juga dan kesannya pun sama.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Yan bangun pula.

Seorang Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan Yang Berhormat memanglah 'kera kena' atau 'kera makan', kalau 'kera makan belacan' macam Tanjong, kalau 'kera kena belacan' macam Jelutong....

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Ketawa]* Jadi Tuan Yang di-Pertua, yang tinggal seorang ini baik tidak baik kena belacan, sekejap lagi lompatlah Tumpat. Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, kalau Jelutong dan Tanjong memang akhirnya sama. Kedua-duanya pun kira oks..... *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, memang bil ini boleh dikatakan non-controversial tetapi tadi pihak pembangkang yang membuat bill ini sebagai satu bill yang controversial sehingga memalukan Dewan yang mulia ini di hadapan pelawat-pelawat dari Australia. Saya berharap bahawa tingkah laku yang dibuat oleh pihak pembangkang tadi tidak akan diulang sekali lagi. Memang pihak Barisan Nasional tidak ada sebarang niat atau arterial motif untuk membincangkan rang undang-undang ini dan memang rang undang-undang ini boleh membawakan kesan yang baik

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Machang bangun.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat daripada ketua pembangkang menuduh bahawa pihak kerajaan ada yang arterial motif. Yang Berhormat sedar tidak Yang Berhormat bahawa bill yang berada di hadapan kita ini sebenarnya telah dibacakan kali yang pertama dalam sidang yang lepas tetapi tidak sempat dibincang maka dibawa ke dalam persidangan Dewan ini untuk bacaan kali yang kedua. Bukan soal arterial motif kerana ianya telah muncul dalam sidang lepas lagi. First reading telah dibaca kemudahan telah dibawa kerana tidak cukup masa dalam persidangan yang lepas. Sekarang ini muncul untuk hari pertama. Setuju tidak?

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, memang setuju tetapi ini adalah sikap pihak pembangkang yang tidak bertanggungjawab tetapi ... Ahli Yang Berhormat dari Bintulu baru masuk ya... Saya memang ucapkan tahniah kepadanya kerana dia ada ucapan yang begitu baik tetapi saya pun masih khuatir kepada kedudukannya dalam DAP. Mungkin esok pun ada tindakan disiplin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Yang Berhormat dari Yan bangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya kasihanlah seorang kawan kita ahli sastera dari Seputeh telah digantung. Bintulu ini saya ingat sebelum digantung atau dipecat bolehlah Yang Berhormat dari Bintulu isi borang MCA atau Gerakan dengan Barisan Nasional, kita bekerja elok-elok dan kita tolong Bintulu dan sebagainya. Jadi ini Yang Berhormat adakah patut kita cadangkan kepada Yang Berhormat dari Bintulu supaya dia masuk, ikut kita, dok tunggu daripada ketua pembangkang itu bukan boleh buat apa. Macam Yang Berhormat katakan tadilah macam 'kera kena belacan'. Jadi sebelum belacan itu pergi ke Bintulu adakah Yang Berhormat dari Bintulu ini masuk Barisan Nasional. Kita ini baik-baik dan bukan suka bergaduh dengan orang lain kecuali Pas sahaja. Ini ada seorang 'spy' Pas lah ini. [Ketawa] dia tidak keluar. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Chia Kwang Chye: Ikut pejabat saya memang pintu terbuka luas tetapi mesti ada satu syarat iaitu kita mesti menjadi Ahli Parlimen yang bertanggungjawab. Bukan semua Ahli Parlimen yang lain-lain tidak bertanggungjawab. Kalau pihak DAP pun hendak menyingkirkan Tuan Lim Kit Siang daripada DAP buat apa Barisan Nasional ambil.

Tuan Yang di-Pertua, pihak pembangkang khasnya ketua pembangkang selalu menyatakan bahawa Ahli-ahli Parlimen khasnya pihak pembangkang tidak ada masa untuk mengkaji dengan teliti bill-bill atau rang undang-undang yang dikemukakan di Parlimen tetapi semua orang yang hadir di dalam Dewan yang mulia ini tahu bahawa walaupun masa yang diberi itu begitu panjang seperti Chemists Act ini. DAP tidak membuat apa-apa kajian kecuali Ahli Parlimen dari Bintulu dan dalam apa juga perbahasan DAP mereka selalu tidak menyentuh tentang tajuk atau rang undang-undang yang dibincangkan itu. Selalu mengambil kesempatan untuk membidas atau mengkritik kerajaan dan selalu tidak mengikut rang undang-undang yang dibahas itu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita meneliti bill ini terdapat bahawa bill ini amat penting walaupun cuma dua muka surat kerana [Ketawa] ini akan

Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]: [Berjalan masuk ke dalam Dewan].

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: [Bercakap dalam Bahasa Tamil][Ketawa].

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Chia Kwang Chye: ini akan menentukan mutu ahli kimia dalam negara kita dan ini akan menentukan bagaimana mutu ahli kimia akan dikawal atau menambahkan profesionalisma di kalangan ahli kimia. Jika terdapat ahli kimia yang

tidak bertanggungjawab seperti pihak pembangkang yang tidak bertanggungjawab kita akan menghadapi banyak masalah atau kesn yang buruk di kalangan masyarakat kita. Dalam keadaan krisis ekonomi atau kegawatan ekonomi yang melanda, kita memerlukan satu mind set atau pendekatan yang luar biasa iaitu dalam Parlimen kita setakat ini mungkin memerlukan kita memanjangkan masa perbahasan supaya kita dapat meluluskan rang undang-undang yang begitu urgent untuk keadaan sekarang dan kita pun perlu menggunakan lebih masa atau overtime untuk mengkaji atau membincang tentang rang undang-undang yang akan dikemukakan. Jadi alasan DAP bahawa DAP tidak mempunyai masa yang cukup tidak bermakna. Sekarang pun tidak ada work out, semalam sudah habis. Jadi memang tidak ada alasan.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ahli kimia dipinda adalah bertujuan untuk melarang seorang bukan warganegara Malaysia untuk menjadi ahli anggota majlis atau mana-mana jawatankuasa Institut Kimia Malaysia atau anggota sesuatu jawatankuasa mana-mana cawangan institut. Ini adalah satu tindakan yang selaras dengan peraturan yang biasa di mana orang asing tidak dibenarkan memang jawatan pengurusan di mana-mana pertubuhan.

Saya berharap bahawa pihak negara asing khususnya negara Barat tidak menganggap pindaan ini sebagai satu tindakan yang unfriendly atau anti kepada mereka, kerana ini cuma satu peraturan yang biasa dikuatkuasakan di mana-mana negara termasuk negara asing. Ini adalah kerana pada hemat saya jika seorang bukan warganegara Malaysia melibatkan diri dalam pengurusan sebuah pertubuhan melalui jawatankuasa atau institusi, mereka yang bukan warganegara ini secara tidak langsung boleh menganggap seperti mengambil bahagian dalam proses politik atau proses membuat keputusan jika terdapat satu keadaan atau situasi yang bertentangan dengan polisi kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli kimia menyediakan perkhidmatan penganalisan dalam pelbagai bidang, seperti analisa kualiti bekalan air paip, kualiti udara, kualiti mutu air sungai dan laut dalam kajian-kajian impak alam sekitar atau environmental impact assessment (EIA), penganalisan racun-racun dan sisa-sisa toksid dan dalam bidang kawalan alam sekitar, termasuk penganalisan sampel darah dalam bidang penyiasatan forensik atau jenayah. Seringkali kes-kes mahkamah yang mendakwa jenayah seperti pembunuhan dan arson dibukti dan keputusannya dibuat berdasarkan penganalisan ahli kimia. Jadi, dari contoh di atas terdapat hasil kajian atau keputusan penganalisan ahli kimia adalah sangat penting di mana orang awam atau individu akan menerima padah sekiranya penganalisan kimia tidak dilakukan dengan tepat, objektif atau bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang industri Jabatan Alam Sekitar mengenakan syarat ke atas pengilang-pengilang supaya melaksanakan penganalisan mengikut satu jadual oleh ahli-ahli kimia yang berdaftar terhadap air buangan untuk mengenalpastikan sama ada air yang dibuang itu dirawat dalam standard yang dilulus oleh Jabatan Alam Sekitar sebelum dibenarkan mengalir ke dalam sungai atau parit.

Begitulah dengan bidang pembinaan, Jabatan Alam Sekitar dan kerajaan tempatan mengenakan syarat ke atas pemaju untuk menjalankan penganalisan mengikut jadual terhadap kualiti air sungai atau parit yang mengalir keluar dari tapak projek-projek pembinaan yang tertentu khususnya yang mana disyaki akan mencemarkan sungai atau laut. Di sini juga para ahli kimia menyediakan perkhidmatan yang peting bukan hanya daripada pemaju dan kerajaan, tetapi juga kepada rakyat jelata di mana alam sekitar diambil kira untuk semua pihak. Jadi, ahli kimia adalah satu peranan yang peting dalam usaha perlindungan alam sekitar.

Jelas dilihat bahawa ahli kimia diharapkan akan mengendalikan tugas-tugas mereka secara tepat, neutral, objektif dan profesional, dan ahli kimia mestilah melaporkan hasil kajian atau penganalisan mengikut keputusan atau secara saintifik. Ahli kimia tidak boleh dibenarkan cenderung atau berat sebelah terhadap mana-mana pihak sebab keputusan laporannya akan mempunyai kesan yang jauh, far reaching, dengan izin, dan bukannya terkongkong kepada sesuatu kajian tapak atau kes sahaja.

Contohnya, sekiranya seorang ahli kimia membuat kesilapan sama ada tidak dengan sengaja atau dengan sengaja terhadap kualiti atau mutu bekalan air paip ini, kita boleh gambarkan bahawa beberapa orang awam yang mungkin boleh jatuh sakit atau menjangkiti penyakit sekiranya bekalan air paip ini benar-benar tercemar atau kualitinya kurang baik untuk diminum oleh manusia.

Pada pendapat saya bidang penganalisan kimia tidaklah merupakan satu bidang yang glamorous atau begitu menarik atau popular di kalangan penuntut universiti. Mungkin sebabnya adalah satu persepsi orang muda terhadap bahawa ahli kimia dan kerjanya adalah kurang mencabar atau membosankan. Sebaliknya saya berpendapat bahawa ahli kimia juga dapat memainkan peranan yang penting dalam pembangunan negara dan kewujudan kumpulan ahli kimia yang profesional dan berkualiti akan memberi keyakinan kepada kita sebagai pengguna dan juga keyakinan kepada pelabur-pelabur asing di dalam statistik berkaitan dengan bekalan air, mutu air atau udara dan sebagainya. Jadi, rang undang-undang ini haruslah juga mengandungi aspek atau perangsang untuk menjadikan bidang ahli kimia atau satu bidang yang menarik seperti serorang akauntan atau peguam atau jurutera.

Tuan Yang di-Pertua, ahli juga mempunyai satu peranan serta tanggungjawab sosial yang penting dalam proses pembangunan yang dahulu dilaksanakan dengan begitu pesat. Proses pengilangan atau industri kadang-kadang membawa kesan-kesan yang tidak diinginkan atau kesan yang buruk seperti dengan secara tidak langsung sisa toksid. Jadi, ahli-ahli kimia yang pakar ini perlu memahami proses pengilangan yang boleh mengeluarkan secara tidak langsung sisa toksid. Jika terdapat ahli-ahli kimia yang kurang berpengetahuan proses pengeluaran sisa toksid ini dan cara mengendalikan sisa toksid ini, ini akan menjejaskan nyawa orang awam dan pekerja-pekerja.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, jika terdapat ahli-ahli kimia yang tidak bertanggungjawab atau tidak mempunyai tanggungjawab sosial kepada masyarakat diberi lesen untuk membuang sisa-sisa toksid atau menyimpan sisa-sisa toksid ini, kita khuatir bahawa nyawa manusia akan berada dalam keadaan bahaya dan peristiwa seperti ini pernah dilaporkan di Pangkor di mana sisa-sisa toksid dibuang di merata tempat dan sewenang-wenangnya. Walaupun kes ini telah dibicarakan di mahkamah, kita perlu berhati-hati supaya kes seperti ini tidak berlaku lagi. Jadi saya hendak ingin tanya Menteri yang berkenaan apakah yang terjadi kepada lesen ahli kimia yang terlibat dalam kes ini dan sama ada orang atau ahli kimia ini tidak dibenarkan mendaftar sebagai ahli kimia.

Berkenaan dengan 'toxic waste dump' atau loji sisa toksid di Negeri Sembilan, saya tanya tentang kajian yang ada sekarang, berapakah ahli-ahli kimia yang berkualiti, yang sesuai untuk melaksanakan operasi-operasi di sana, sama ada mereka mempunyai qualification yang cukup untuk menjalankan dan menyimpan toksid ini. Sama ada mereka diberi latihan yang cukup atau memberi latihan berlanjutan supaya mereka dapat menjalankan operasinya supaya rakyat yang menghuni di sekeliling tidak perlu bimbang tentang loji toksid ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mengucapkan ribuan terima kasih dan saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Bukit Mertajam.

6.12 ptg.

Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-Undang Ahli Kimia (Pindaan) 1998.

Tuan Yang di-Pertua, ahli kimia ini adalah satu istilah yang belum jelas lagi kepada orang ramai. Ada orang katakan ahli kimia itu bekerja di bahagian polis di

mana dia memeriksa mayat orang mati dan cari sebabnya mengapa dia mati, kalau ada rumah terbakar cari punca kebakaran, kalau ada apa-apa itu pun berkaitan dengan 'forensic science'. Jadi macam-macam punya anggapan berkaitan dengan kerja seorang ahli kimia itu. Jadi, saya katakan seorang ahli kimia ini tugasnya, peranannya tidak jelas kepada orang ramai. Kerajaan melalui jabatan-jabatan yang berkaitan mesti memberi satu pandangan yang sangat jelas terhadap peranan seorang ahli kimia kepada orang ramai.

Kalau saya masuk ke dalam sebuah farmasi, orang yang menjual ubat itu pun dipanggil ahli kimia (the chemist) juga. Tetapi biasanya kita rujuk kepada dia sebagai seorang pharmacist, jadi nama-nama itu selalu dikelirukan. Saya harap kerajaan akan mengambil tindakan yang jelas dan segera juga untuk mengurangkan kekeliruan yang didapati di kalangan masyarakat sekarang. Kekeliruan itu agak serius sampai murid-murid, pelajar-pelajar sekolah tidak tahulah apakah dia seorang ahli kimia dan kalau mereka tidak faham peranan seorang ahli kimia, saya pun tidak faham bagaimana mereka boleh dimotivasikan untuk mengambil satu kerjaya sebagai seorang ahli kimia.

Saya harap Kementerian Pendidikan akan dapat menjalankan program-program yang tertentu untuk menjelaskan tugas-tugas seorang ahli kimia. Melalui program-program seperti itu, kita berharap kita boleh tambahkan bilangan ahli-ahli kimia yang bertauliah dalam negara ini supaya kerja-kerja yang memerlukan perkhidmatan mereka dapat diselesaikan tanpa apa-apa tangguh masa. Kerana saya pun dengar ada banyak kes mahkamah tidak dapat diselesaikan kerana ahli kimia yang dipanggil untuk memberi bukti itu tidak dapat hadir kerana dia ada kes di mahkamah yang lain dan sebagainya. Oleh kerana kekurangan ahli kimia yang bertugas, banyak kes mahkamah kena tangguh dan dengan izin 'justice delayed is no justice'. Kadang-kadang sampai orang yang minta justice itu pun sudah mati, belum dapat justice lagi.

Tuan Yang di-Pertua, ahli kimia itu terlibat dalam pelbagai bidang. Satu bidang yang saya rasa kita mesti beri keutamaan dan perhatian kita baru-baru ini adalah berkaitan dengan pencemaran alam sekitar kerana pengeluaran effluen ataupun sisa-sisa toksid daripada kawasan perkilangan, industri dan sebagainya. Di kawasan saya, saya dapati Sungai Juru itu adalah sebuah sungai yang boleh dikatakan tahap pencemarannya adalah tertinggi sekali dalam Malaysia ini seperti yang dilaporkan oleh satu laporan berkaitan dengan pencemaran air sungai yang dibuat oleh sekumpulan penyelidik dari Universiti Sains Malaysia.

Jadi, selepas keputusan laporan itu dibuat, apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk selesaikan masalah. Kita tahu sungai itu adalah yang tercemar sekali tetapi nelayan-nelayan masih mencari rezeki di situ, ikan masih ada dekat Kuala Juru, dekat laut sana dan hasil tangkapan masih dijual bukan ke sini sebenarnya, ke negara yang berjiranan. Kerang dijual ke negara Thailand tetapi saya hendak tanya, kalau kerang itu tidak selamat dimakan oleh orang-orang Malaysia, adakah hasil itu selamat dimakan oleh orang Thai? Adakah itu satu amalan yang bagus, mengeksportkan hasil tangkapan yang dikatakan tercemar oleh bahan-bahan kimia yang keluar daripada kawasan perkilangan Prai berdekatan itu.

Jadi, selepas kita kenalpasti bahawa sungai itu adalah sungai yang tercemar, saya hendak faham apakah tindakan pulih sungai yang diambil oleh kementerian yang berkaitan dan apakah perlindungan yang diberi kepada manusia, kepada rakyat jelata kita supaya tidak makan hasil sungai, hasil laut yang berdekatan yang beracun. Apakah kesan-kesan ke atas kesihatan mereka, kalau mereka makan hasil-hasil laut yang mengandungi sisa-sisa toksid. Itu adalah soal-soal yang penting yang kita hendak tanya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang penting lagi adalah kualiti udara yang sekarang kita ada di kawasan-kawasan perindustrian. Walaupun kita katakan kita tidak boleh mengeluarkan udara-udara, ekzos yang sangat tercemar daripada perkilangan tanpa diturunkan tetapi amalan-amalan yang saya perhatikan ada kilang-kilang yang melepaskan ekzos-ekzos yang nampaknya sangat tercemar waktu larut malam. Bila kita lalu di Lebuhraya Utara-Selatan, memang ada ahli-ahli Parlimen yang boleh

nampak ada kilang-kilang yang dekat dengan lebuh raya melepaskan ekzos yang tercemar itu pada larut malam supaya tidak dapat diperhatikan oleh banyak orang, tetapi memang ada juga orang yang nampak. Jadi, saya harap Jabatan Alam Sekitar dapat mengambil tindakan yang sesuai untuk menjaga kualiti kebersihan udara.

Begitu juga racun-racun serangga yang dipakai pada sayur-sayuran sebelum dipotong mesti disemak supaya tidak sampai tahap yang merbahaya kerana doktor-doktor perubatan menasihatkan rakyat jelata makanlah lebih banyak sayur-sayuran, buah-buahan dan sebagainya untuk kesihatan. Kita semua boleh nampak poster-poster daripada Kementerian Kesihatan makanlah lebih banyak semua bahan-bahan ini supaya menjaga kesihatan terutama sekali Yang Berhormat-Yang Berhormat yang gemuk, itulah Kementerian Kesihatan beri nasihat tetapi kalau kita betul-betul makan sayur-sayuran yang terendam atau pun disembur dengan racun-racun yang melebihi tahap yang dibenarkan kita sebenarnya mengambil ubat racun, kita sebenarnya bunuh diri secara perlahan-lahan. Kita tidak boleh tolong diri sendiri, jadi kita mesti minta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan juga Kementerian Kesihatan untuk campur tangan dalam hal ini supaya menjaga kesihatan kita supaya kita tidak diancam oleh racun-racun serangga yang dipakai dengan satu kuantiti yang melampau.

Kita diberitahu, makanlah buah-buahan, ada orang makan laici, durian dan sebagainya. Laici yang diimport dari negara jiran semua itu pun disembur dengan racun serangga sampai lalat pun tidak berani dekat, kita makan. Kalau kita tidak berhati-hati, bibir kita pun boleh pecah kalau kita makan laici-laici itu kerana kulit laici itu semua kena racun serangga yang sangat merbahaya. Durian itu, ada orang katakan kalau kita buka durian itu di sana, lalat pun tidak berani dekat. Kalau lalat pun tidak berani dekat macam mana kita hendak makan? Saya ingin bertanya soalan ini. Lalat pun tidak berani makan, tetapi manusia makan, sedap sangat. Durian yang diimportlah, saya katakan durian yang diimportlah, saya tidak katakan durian yang dari Balik Pulau, mana Yang Berhormat dari Balik Pulau? Saya harap rakan-rakan saya boleh menjaga kesihatan diri supaya kita boleh menjauhi racun-racun yang didapati dalam buah-buahan import.

Selain daripada itu, saya sudah sebut ikan, tetapi 'Doktor Ayam' pun baru masuk dari Bukit Bintang. Ayam itu pun selalu diberikan ubat-ubat steroid supaya boleh ada 'muscle' besar-besar bertambah beratnya supaya boleh dijual dengan berat yang lebih besar, harga yang lebih tinggi. Tetapi sampai ke Singapura ditolak balik, kita mesti tanya soalan mengapa assignment ayam satu kontena, dua kontena itu sampai ke Singapura ditolak balik kerana ahli kimia Singapura mendapati ayam kita mengandungi ubat yang tidak dibenarkan, ubat steroid atau sisa ubat steroid yang tidak dibenarkan. Jadi itulah masalah ayam bandar kerana ia makan terlalu banyak ubat steroid. Ada orang mengatakan ayam kampung itu oleh kerana ia lebih banyak 'exercise' dengan izin, ia punya sisa ubat steroid itu pun kurang sedikit tidak sampai tahap yang membahayakan. Saya tidak tahu sama ada betulkah, mungkin 'Doktor Ayam' boleh tambah nantilah.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya katakan tadi adalah punca-punca bahayanya. Nampaknya kita mematuhi nasihat-nasihat dari Kementerian Kesihatan untuk menjaga kesihatan badan, makan sayur-sayuran, buah-buahan semuanya diikuti tetapi sebenarnya kita makan racun. Jadi kementerian kita mesti keluarkan arahan yang lebih jelas kepada petani-petani supaya tidak menggunakan racun ini sampai tahap yang melebihi tahap yang merbahaya.

Pada keseluruhannya saya harap Kementerian Pendidikan boleh mulakan satu program yang lebih menyeluruh untuk membangkitkan kesedaran berkaitan dengan kesan kimia terhadap kehidupan manusia. Selain daripada menjelaskan peranan seorang ahli kimia dan juga menjelaskan berbagai-bagai bidang dalam pekerjaan seorang ahli kimia seperti

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat, masa untuk hari ini sudah cukup.

Dr. Tan Chong Keng: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Boleh sambung esok?

Dr. Tan Chong Keng: Ya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Minta seorang mencadangkan penangguhan Mesyuarat.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

6.30 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Datuk Law Hieng Ding]:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

Ratifikasi Permuafakatan Hak Asasi Manusia

6.31 ptg.

Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan keperluan meratifikasikan waad iaitu covenant hak asasi manusia. Tahun ini menandakan ulang tahun ke-50 Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat iaitu Universal Declaration of Human Rights yang diiktiraf oleh Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations). Tahun ini juga menandakan telah genap 41 tahun setelah negara kita Malaysia mencapai kemerdekaan di mana ianya dibentuk mengikut prinsip-prinsip kebebasan iaitu liberty, keadilan atau justice, dengan izin, dan kebijakan berterusan demi kebahagiaan rakyat dan menggalakkan keharmonian antara negara.

Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat ini telah menjadi kayu pengukur untuk menilai, setakat mana

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ada yang bangun.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, saya lihat tidak cukup kuorum, jadi Mesyuarat tidak boleh diteruskan.

[Ahli-ahli dikira: Kurang 26 Ahli hadir]

Beberapa Ahli DAP: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Minta bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila kira!

[Ahli-ahli dikira: Kurang 26 Ahli hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Ahli-ahli Yang Berhormat, nampaknya kita tidak cukup kuorum untuk meneruskan Mesyuarat, oleh yang demikian Dewan ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang esok hari.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.33 petang.